

**PEMILIHAN KERJAYA KEUSAHAWANAN  
DI KALANGAN PELATIH INSTITUT  
KEMAHIRAN MARA ALOR SETAR**

**SAMSIYAH BT RAZALI**


**IJAZAH  
SARJANAMUDA PENGURUSAN PERNIAGAAN (KEPUJIAN)  
1997  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

PERAKUAN PELAJAR

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah dinyatakan sumbernya.

Saya juga menyerahkan hakcipta kepada Sekolah Pengurusan bagi tujuan penerbitan jika di dapati sesuai.

23/4/97



Tarikh Serahan

Tandatangan pelajar

PENGESAHAN PENYELIA

SETELAH DITELITI LATIHAN ILMIAH BERTAJUK PEMILIHAN KERJAYA KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELATIH INSTITUT KEMAHIRAN MARA ALOR SETAR YANG DI USAHAKAN OLEH SAMSIYAH RAZALI NO. MATRIK 13141 PIHAK PENYELIA BERPUASHATI DENGAN LATIHAN ILMIAH INI SEBAGAI MEMENUHI SYARAT PENGIJAZAHAN PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN PERNIAGAAN (BBA) DENGAN KEPUJIAN.

PUAN NORSIAH MAT

Penyelia Latihan Ilmiah

Sekolah Pengurusan

Universiti Utara Malaysia

Tarikh: 23/4/97

PEMILIHAN KERJAYA KEUSAHAWANAN DI KALANGAN  
PELATIH INSTITUT KEMAHIRAN MARA ALOR SETAR.

SAMSIYAH BINTI RAZALI

Hak Milik MARA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN PERNIAGAAN (KEPUJIAN)  
SEKOLAH PENGURUSAN PERNIAGAAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

APRIL 1997

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan dan atau membuat salinan mana-mana bahagian bab, ilustrasi atau kandungan latihan ilmiah ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa juapun sama ada elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari Dekan Sekolah Pengurusan, Universiti Utara Malaysia.

Hak Milik UTMARA



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan keizinanNya akhirnya latihan Ilmiah ini dapat disempurnakan.

Melalui kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Puan Norsiah Mat yang telah memberi bimbingan dan nasihat disepanjang penyediaan latihan ilmiah ini.

Ucapan terima kasih kepada Pengetua Institut Kemahiran MARA Alor Setar, Encik Muhammad bin Samad, guru-guru dan pelatih-pelatih yang telah memberi kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan.

Buat suamiku Abd. Halim Ahmad dan anak-anak yang dikasihi Najwa, Qayyim dan Shathirah pengorbanan dan kesabaran kalian dalam mengharungi bersama masa-masa sukar serta mencabar di UUM ini senantiasa dihargai dan dingati. Terima kasih buat ibu Sanaah Muhamad, abang dan adik-adik yang senantiasa memberi galakan dan doa untuk kejayaanku.

Sekian

SAMSIYAH RAZALI  
SEKOLAH PENGURUSAN PERNIAGAAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

1997

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelatih-pelatih Institut Kemahiran MARA (IKM) Alor Setar, Kedah. Seramai 113 responden dipilih bagi mewakili kelima-lima kursus yang terdapat di IKM bagi sampel kajian ini. Hasil kajian telah menunjukkan orientasi pemilihan kerjaya di kalangan pelatih IKM dalam dua kategori utama iaitu bekerja di sektor swasta (55.8%) dan menjadi usahawan (38.1%) . Pemilihan kerjaya keusahawanan mempunyai perkaitannya dengan pembolehubah ciri pekerjaan, kepuasan kursus dan faktor demografi seperti latarbelakang kelulusan dan jenis kursus. Perhubungan personaliti dengan minat kerjaya keusahawanan tidak dapat ditunjukkan perhubungan dan pengaruhnya secara signifikan. Namun begitu gambaran umum menunjukkan wujudnya ciri personaliti 'enterprising' di kalangan pelatih tersebut.

Hak Milik MARA

KANDUNGAN	HALAMAN
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Kandungan	iv
Daftar Jadual	vii
Daftar Rajah	viii
Senarai Singkatan	ix
BAB	
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Pernyataan Masalah	5
1.2 Persoalan Kajian	7
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Hipotesis Kajian	10
1.5 Signifikan Kajian	11
1.6 Kekangan Kajian	12

2.0 ULASAN KARYA	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Pemilihan Kerjaya	17
2.3 Kecenderungan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan	27
2.4 Teori Pemilihan Kerjaya	30
2.5 Kerangka Kajian	42
3.0 METODOLOGI	44
3.1 Rekabentuk Kajian	44
3.2 Lokasi Kajian	44
3.3 Sampel Kajian	45
3.4 Instrumen Kajian	46
3.5 Tatacara Kajian	51
3.6 Analisis Data	52
4.0 HASIL KAJIAN	53
4.1 Ciri-ciri Sampel	53

4.2 Pemilihan Kerjaya	56
4.3 Ujian Hipotesis	60
5.0 PERBINCANGAN	70
5.1 Orientasi Pemilihan kerjaya	70
5.2 Perhubungan Pemilihan Kerjaya dengan Kepuasan, Ciri Kerja dan Personaliti	74
5.3 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Keusahawanan	78
6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN	82
Bibliografi	
Lampiran 1: Borang Soalselidek	
2: Data Mentah	
3: Analisis Data	
4: Biodata	



DAFTAR JADUAL	HALAMAN
Jadual 1	53-54
Jadual 2	56-57
Jadual 3	58
Jadual 4	60
Jadual 5	61
Jadual 6	62
Jadual 7	64
Jadual 8	67
Jadual 9	68

Hak Milik MARA

DAFTAR RAJAH	HALAMAN
Rajah 1	39
Rajah 2	43

Hak Milik MARA

## SENARAI SINGKATAN

- IKM -Institut Kemahiran Mara
- SRP -Sijil Rendah Pelajaran
- SPM -Sijil Pelajaran Malaysia
- MLVK -Majlis Latihan Vokesyenal Kebangsaan
- MARA -Majlis Amanah Rakyat

Hak Milik MARA

# BAB 1

## 1.0 Pengenalan

Pemilihan kerjaya bagi seseorang individu adalah bersifat subjektif atau abstrak. Setiap orang mempunyai pandangan yang berbeza terhadap kerjaya yang ingin diceburi. Dalam menentukan corak hidup individu pada masa hadapan pemilihan kerjaya merupakan satu proses yang perlu dilalui oleh individu tersebut. Proses inilah yang akan membantu mewujudkan identiti pekerjaan bagi seseorang itu. Proses ini juga turut memainkan peranan membantu individu tersebut memahami keadaan kerja sebenar yang membolehkannya merancang pekerjaan yang bakal dilalui. Pemilihan kerjaya adalah merupakan satu proses yang berterusan. Ianya bermula seawal di peringkat kanak-kanak lagi dan terus berkembang sehingga mereka dewasa. Di mana akhirnya setiap individu akan memilih kerjaya mereka berdasarkan beberapa faktor yang berkaitan. Pelbagai faktor sama ada faktor dalaman mahupun faktor luaran yang mempengaruhi kerjaya seseorang individu.

Secara umumnya, setiap individu akan meletakkan kejayaan sebagai matlamat akhir dalam kerjaya mereka. Namun berjaya atau gagalnya seseorang itu dalam kerjaya yang diceburi adalah bergantung kepada beberapa faktor tertentu yang berlainan dari seseorang dengan seseorang yang lain. Setiap individu juga mempunyai matlamat untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dan ianya juga

bergantung kepada cita-cita individu itu. Dengan mempunyai cita-cita seseorang itu akan berusaha dengan pelbagai cara untuk meningkatkan prestasi akademik, kemahiran dan pelbagai usaha yang berkaitan.

Cita-cita pada asasnya merupakan pendorong dalam usaha individu untuk mendapatkan pekerjaan. Seseorang itu akan cuba memperbaiki prestasi pembelajaran kerana pada hakikatnya, peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik secara umumnya bergantung pada tahap pendidikan dan kelulusan yang dimiliki. Cita-cita terhadap sesuatu kerjaya juga didorong oleh faktor persekitaran seperti pengaruh latarbelakang keluarga, pengaruh pendidikan, pencapaian akademik dan ciri-ciri pekerjaan itu sendiri.

Untuk membentuk kehidupan yang lebih baik di masa hadapan adalah penting untuk mempunyai aspirasi kerjaya yang positif. Disamping itu ia seharusnya selari dengan kehendak dan wawasan negara yang secara tidak langsung akan membantu mewujudkan struktur pekerjaan yang kukuh demi kemajuan negara.

Namun demikian perlulah disedari bahawa tahap aspirasi seseorang itu adalah berbeza-beza. Ini adalah kerana setiap individu itu sudah pasti mempunyai cita-cita yang pelbagai dan sukar untuk diukur. Tahap tinggi atau rendah aspirasi



kerjaya seseorang itu adalah bergantung sepenuhnya kepada kehendak individu itu sendiri.

Menurut Hurlock (1967) corak aspirasi kerjaya di kalangan remaja adalah pelbagai kerana ia dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran dan pembawaan. Dalam hal ini, sesetengah remaja mempunyai aspirasi tinggi yang realistik, beraspirasi positif atau negatif dan sesetengahnya mempunyai aspirasi yang cepat atau lambat. Namun begitu keadaan ini boleh diubah kerana ia dipengaruhi oleh satu faktor iaitu kejayaan merupakan matlamat akhir di dalam dunia pekerjaan

Wheeler dan Canes (1968) pula berpendapat bahawa aspirasi pada asasnya dapat dijangka dengan lebih tepat berdasarkan keunggulan diri seseorang yang selari dengan pekerjaan yang bakal diceburi. Menurut mereka, pelajar adalah terbahagi kepada dua kelompok, iaitu satu kelompok membuat pilihan berdasarkan kesesuaian pada masa itu dan satu kelompok lagi membuat pilihan berdasarkan kesesuaian pada masa hadapan.

Sejauh manakah pula aspirasi positif terhadap kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar masakini? Kerjaya keusahawanan semakin menjadi pilihan di kalangan pelajar atau individu yang telah bekerja. Keadaan ini lebih ketara pada awal 1980an di mana melalui Dasar Ekonomi Baru kerajaan telah menggalakkan

penglibatan Bumiputera dalam keusahawanan ke arah perubahan struktur ekonomi.

Secara umumnya, kebanyakan pelajar masa kini lebih berminat untuk menceburi bidang keusahawanan berbanding pada masa lepas. Anderson (1984) di dalam kajiannya "*The New Entrepreneurial Spirit*" mendapati 2/3 daripada keseluruhan pelajar Universiti Havard mengambil jurusan pengurusan perniagaan. Sebanyak 80% pelajar tahun pertama ingin membuka perniagaan sendiri. Kajian ini mencatatkan bahawa 10 tahun yang lalu hanya 5% daripada pelajar universiti tersebut memilih bidang perniagaan berbanding kini jumlahnya meningkat kepada 40%. Kesimpulan hasil kajian menunjukkan pelajar tidak lagi bersikap anti kepada bidang keusahawanan malah cenderung untuk menceburi bidang tersebut. Namun begitu persoalan dalam menentukan kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan masih menjadi satu tandatanya menarik di kalangan para pengkaji.

## 1.1 Penyataan Masalah

Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan kelahiran masyarakat perdagangan dan perindustrian dikalangan Bumiputera. Secara umumnya latihan dan pendidikan menjadi pendekatan utama MARA untuk mencapai matlamat pembangunan gunatenaga bumiputera. Program Latihan Kemahiran MARA khususnya bermatlamat untuk menambah bilangan gunatenaga mahir bumiputera di pelbagai bidang dan tahap kemahiran dan teknikal untuk sektor perdagangan dan perindustrian serta sebagai sumber atau pembekal utama bakal-bakal usahawan.

Justeru itu, kajian ini dijalankan dalam usaha memahami minat pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelatih-pelatih program kemahiran anjuran MARA khususnya di Institut Kemahiran MARA (IKM).

Pemmasalahan utama kajian ialah cuba mengenalpasti orientasi minat kerjaya sama ada berorientasi “pekerjaan makan gaji” atau terlibat sebagai seorang usahawan. Adalah menjadi salah satu matlamat MARA untuk mewujudkan usahawan dan

bakal-bakal usahawan bumiputera di kalangan pelatih-pelatih yang diberi latihan kemahiran.

Kajian ini juga cuba mengenalpasti perbezaan ciri-ciri pekerjaan yang dipandang penting di kalangan pelajar yang memilih kerjaya keusahawanan dan yang tidak memilih kerjaya keusahawanan. Ciri-ciri pekerjaan yang bagaimanakah paling penting bagi seorang pelajar IKM yang telah dibekalkan dengan ilmu kemahiran serta pendedahan terhadap matapelajaran keusahawanan dalam menentukan kerjaya mereka?. Adakah ciri-ciri seperti penglibatan kerja, jaminan dari sesuatu pekerjaan seperti gaji dan elaun, serta peluang untuk mendapat pengiktirafan daripada masyarakat menjadi pilihan dalam pemilihan kerjaya mereka atau ciri-ciri kerja yang terdapat dalam sebuah perniagaan?

Pemasalahan yang ingin dikaji dalam konteks ini ialah sejauh manakah ilmu kemahiran dan keusahawanan dapat membentuk minat kerjaya keusahawanan di kalangan pelatih. Pemasalahan lain yang juga ingin dikaji adakah kepuasan terhadap kursus yang diikuti di IKM mempengaruhi pemilihan kerjaya khasnya kerjaya dalam bidang keusahawanan.

Pemilihan kerjaya juga ditentukan oleh personaliti seseorang individu. Menurut Holland (1973), personaliti seseorang itu penting dalam menentukan jenis

pekerjaan . Keserasian seseorang dengan sesuatu pekerjaan adalah bergantung kepada personalitinya. Pemasalahannya ialah apakah pernyataan tersebut membantu memahami hubungkait minat pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelatih IKM adalah berkaitan dengan personaliti mereka.

## 1.2 Persoalan Kajian

Permasalahan kajian yang dibincangkan tadi membawa kepada persoalan pokok yang utama dalam kajian ini. Persoalan pokoknya ialah bertitik tolak daripada matlamat MARA untuk membentuk para pelatihnya ke arah meminati kerjaya keusahawanan.

MARA telah menyediakan program latihan kemahiran peringkat asas dan kemahiran-kemahiran khusus secara latihan tidak formal melalui pusat-pusat Giat, peringkat kemahiran menengah dan tinggi secara formal di Institut Kemahiran MARA dan peringkat kemahiran teknologi tinggi di institusi-institusi kemahiran tinggi MARA. Program-program ini disediakan bermatlamat bagi menambah bilangan gunatenaga mahir bumiputera dipelbagai bidang dan tahap kemahiran dan teknikal. Seterusnya melahirkan usahawan-usahawan yang boleh memulakan perniagaan mereka berasaskan kemahiran yang dipelajari di semua institusi kemahiran secara amnya dan secara khususnya dalam persoalan ini ialah di IKM. Pelajar-pelajar IKM telah dicerna dari awal lagi untuk memilih pekerjaan yang



selari dengan kemahiran yang mereka perolehi dan amat digalakkan untuk menceburi bidang keusahawanan.

Persoalan utama di sini ialah sejauhmanakah bekalan ilmu kemahiran tersebut dapat menanamkan aspirasi kerjaya keusahawanan di kalangan pelatih. Apakah orientasi kerjaya yang diminati oleh pelatih IKM? Apakah mereka meminati kerjaya keusahawanan atau sekadar ingin makan gaji? Secara khususnya, persoalan kajian ialah meneroka minat kerjaya tersebut dan hubungannya dengan personaliti dan persekitaran pembelajaran mereka. Kajian ini cuba meneroka sejauh mana ciri-ciri kerja, nilai-nilai kerja, kepuasan terhadap kursus yang di pelajari di IKM dan personaliti mempengaruhi pelajar-pelajar IKM dalam memilih kerjaya keusahawanan. Selain daripada itu adakah faktor jantina, jenis kursus yang di ambil, jangkamasa pembelajaran, galakan dari pihak-pihak tertentu, turut mempengaruhi pemilihan kerjaya sebagai seorang usahawan.

### 1.3 Objektif kajian

Objektif umum kajian ini ialah untuk melihat orientasi pemilihan kerjaya khususnya kerjaya keusahawanan dikalangan pelatih-pelatih yang mempunyai latar belakang kemahiran.

Kajian ini cuba melihat sejauh mana pembolehubah bersandar iaitu pemilihan kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh pembolehubah tidak bersandar iaitu ciri-ciri kerja, kepuasan terhadap kursus, personaliti dan ciri-ciri demografi. Secara kususnya kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti jenis dan kategori pekerjaan yang diminati di kalangan pelatih-pelatih Institut Kemahiran MARA (IKM). Jenis kerjaya yang dikaji adalah meliputi bidang pekerjaan sama ada di sektor kerajaan, swasta atau menjadi usahawan.
2. Mengenalpasti perbezaan kepuasan terhadap kursus diikuti di antara pelatih yang memilih kerjaya keusahawanan dengan yang tidak memilih kerjaya keusahawanan
3. Mengenalpasti perbezaan kepentingan ciri-ciri i pekerjaan di antara pelatih yang memilih kerjaya keusahawanan dengan yang tidak memilih kerjaya keusahawanan
4. Mengenalpasti hubungan minat kerjaya keusahawanan dengan personaliti pelatih-pelatih IKM berasaskan Teori Kerjaya Holland.

5. Mengenalpasti faktor-faktor galakan yang mempengaruhi pemilihan kerjaya di kalangan pelatih IKM, iaitu pengaruh ibubapa, guru, kawan-kawan, adik beradik, saudara mara, gaji, ciri-ciri pekerjaan, kemahiran yang diperolehi di IKM, cabaran, kelulusan, minat, pengetahuan, perpp persekitaran kerja, insentif, jaminan keselamatan dan prospek.

#### 1.4 Hipotesis Kajian

##### Hipotesis 1

Ha : Terdapatnya perbezaan kepuasan terhadap kursus di antara pelatih yang memilih kerjaya keusahawanan dengan yang tidak memilih kerjaya keusahawanan.

##### Hipotesis 2

Ha : Terdapatnya perbezaan ciri-ciri pekerjaan yang dianggap penting di antara pelatih yang memilih kerjaya keusahawanan dengan yang tidak memilih kerjaya keusahawanan

### **Hipotesis 3**

Ha : Terdapatnya hubungan pilihan minat kerjaya keusahawanan dengan ciri-ciri personaliti.

### **Hipotesis 4**

Ha : Pemilihan minat kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh kepuasan kursus, ciri pekerjaan, personaliti dan ciri-ciri demografi.

### **1.5 Signifikan Kajian**

Pada dasarnya, signifikan kajian ini dapat dilihat dari pelbagai aspek. Di antara kepentingan kajian yang utama ialah maklumat yang diperolehi dapat membantu MARA amnya dan bahagian Kemahiran MARA khasnya dalam mengenalpasti kerjaya yang bakal dipilih oleh para pelatih lepasan Institut Kemahiran MARA. Persoalan pemilihan kerjaya ini secara tidak langsung dapat menggambarkan keberkesanan program latihan kemahiran anjuran MARA.

Bagi para pelatih yang dikenalpasti mempunyai kecenderungan memilih usahawan sebagai kerjaya perlu diberi dorongan dan sokongan seterusnya dengan cara mengutamakan pelatih-pelatih tersebut untuk di pilih sebagai calon bagi

menghadiri program-program pemupukan serta mendapat bantuan dan skim-skim keusahawanan yang dianjurkan oleh MARA.

Dengan memahami faktor dominan pemilihan kerjaya keusahawanan yang dikenalpasti kelak melalui kajian ini, boleh dijadikan kriteria dalam pemilihan bakal-bakal usahawan yang benar-benar berminat di kalangan pelatih.

Penemuan kajian ini mungkin boleh dijadikan satu input bagi merangka keperluan kurikulum serta perancangan MARA dalam melaksanakan salah satu tanggungjawabnya melahirkan usahawan.

Kajian ini juga akan menambah jumlah kajian pemilihan kerjaya yang agak kurang di kalangan para pelajar yang mendapat pendidikan kemahiran berbanding dengan kajian pemilihan kerjaya di kalangan pelajar-pelajar universiti atau pelajar-pelajar sekolah akademik.

#### **1.6 Kekangan Kajian**

Kajian ini adalah satu kajian yang terhad di mana lokasi kajian hanya tertumpu kepada satu Institut Kemahiran MARA (IKM) sahaja iaitu di Alor Setar di mana



pada hakikat nya terdapat sebelas cawangan IKM kesemuanya termasuk salah satu terletak di Sarawak.

Ketiadaan pelatih semester empat iaitu pelajar semester akhir sedang menjalani latihan praktikal semasa kajian dilakukan juga merupakan salah satu kekangan terhadap kajian ini. Pelatih-pelatih ini tidak dapat dihubungi memandangkan mereka ini sedang menjalankan latihan praktikal selama satu semester di luar kawasan IKM Alor Setar.

Jumlah kursus kemahiran yang ditawarkan di IKM Alor Setar juga adalah paling sedikit iaitu sebanyak lima kursus sahaja. Oleh itu hasil kajian adalah lebih tepat bagi pelatih dari kelima-lima kursus ini berbanding dengan kursus lain tidak ditawarkan di IKM ini.

Walaupun hasil kajian ini tidak boleh mewakili secara keseluruhan pelatih-pelatih Institut Kemahiran MARA di Malaysia, namun ia dapat memberi gambaran umum tentang minat kerjaya keusahawanan dikalangan pelatih yang mempunyai latar belakang pendidikan kemahiran.

Penterjemahan instrumen ke dalam Bahasa Malaysia juga dikhuatiri sedikit sebanyak menjejaskan makna soalan-soalan serta tanggapan dan kefahaman pelatih-pelatih. Namun penterjemahan telah dilakukan sebaik mungkin oleh kerana ianya tidak dapat dielak memandangkan majoriti pelatih IKM kurang penguasaan terhadap Bahasa Inggeris.

Hak Milik MARA

## BAB 2

### 2.0 ULASAN KARYA

#### 2.1 Pengenalan

Pelbagai teori telah dikemukakan oleh para pengkaji mengenai pemilihan atau perkembangan kerjaya. Di antara teori kerjaya yang popular ialah seperti teori Ginzberg (1951), Super (1957), Holland (1966), Tolbert (1974) dan pelbagai teori kerjaya yang lain. Kajian mengenai pemilihan kerjaya wajar dilakukan secara berterusan terutama pemilihan kerjaya di kalangan pelajar yang menjurus kepada kemahiran tertentu, di mana terlalu kurang kajian kepada kelompok pelajar ini dilakukan. Menerusi maklumat yang diperolehi daripada kajian ini, ia dapat memberi maklumat dan panduan penting bukan sahaja kepada pelajar malah kepada pihak lain yang turut terlibat seperti institusi-institusi yang memberi latihan kemahiran samada dari pihak kerajaan atau swasta dalam merencanakan masa depan kerjaya yang cemerlang terutama dalam bidang keusahawanan kepada pelajar-pelajar mereka.

Pemilihan kerjaya ini adalah penting bagi membina satu rancangan kerjaya yang realistik agar dapat memberi kepuasan yang maksima bukan sahaja kepada diri sendiri malah juga masyarakat dan negara yang sedang berkembang maju. Kajian oleh

Rusnani Abdul Kadir (1991) telah dijalankan keatas pelajar dari 36 buah sekolah di Semenanjung Malaysia. Keputusan kajian tersebut mendapati bahawa wujudnya keperluan yang tinggi terhadap pengetahuan program latihan dan bimbingan kerjaya oleh para pelajar selepas mereka menduduki peperiksaan utama seperti SPM/SPVM/STPM. Kesimpulan kajian menunjukkan pelajar memerlukan bimbingan terperinci tentang pemilihan kerjaya setelah tamat pengajian.

Cabaran dalam menghadapi perubahan teknologi yang pesat, nilai-nilai murni, perubahan sikap memerlukan pelajar-pelajar terutama dalam bidang kemahiran membuat persediaan yang secukupnya begitu juga bagi semua pihak yang membentuk dan mengurus serta menangani isu-isu yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya.

Secara umumnya terdapat pelbagai kajian telah dilakukan mengenai isu pemilihan kerjaya dikalangan pelajar. Kajian-kajian begitu giat dijalankan terutama di negara Barat. Ini kerana pengkaji-pengkaji menyedari kepentingan pendedahan pemilihan kerjaya yang tepat kepada pelajar.

Namun, di Malaysia pemilihan kerjaya masih belum mendapat perhatian yang begitu penting terutama kajian terhadap pelajar dalam bidang kemahiran yang di anggap terpinggir berbanding pelajar dari latar belakang akademik. Ini mungkin disebabkan andaian bahawa pelajar-pelajar yang diberi pelajaran kemahiran akar: menggunakan kemahiran ini sebagai asas pemilihan kerjaya. Dengan kata lain pelajar-pelajar ini

memilih kerjaya selaras dengan kemahiran yang telah di pelajari . Maka kerana itu pendedahan pemilihan kerjaya tidak begitu diberi perhatian yang sewajarnya khasnya kepada pelajar-pelajar aliran kemahiran.

## **2.2 Faktor-faktor yang mempengaruhi Perkembangan Pemilihan Kerjaya**

Secara umumnya, perkembangan kerjaya adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Selain dari kebolehan dan minat seseorang itu terhadap jenis pekerjaan, adalah penting untuk melihat pembolehubah yang lain seperti personaliti, minat, latarbelakang pendidikan, nilai, ciri- ciri kerja, keluarga serta faktor demografi yang lain, kedudukan ekonomi dan halangan-halangan sosial serta fizikal seseorang individu itu.

Kajian oleh Osipow (1973) menyatakan bahawa teori kerjaya yang kotemporari memusatkan kepada empat aspek pendekatan sama ada pendekatan secara perkembangan konsep sendiri, pendekatan yang menumpukan aspek sosiologi, pendekatan yang mementingkan aspek 'trait' dan faktor serta pendekatan yang memberi pemusatan personaliti.

Fraboni dan Saltstone (1991) telah mengkaji hubungan personaliti usahawan dengan menggunakan pendekatan teori Holland. Sampel yang telah digunakan ialah usahawan (N=136) yang menerangkan pembolehubah demografi dan keseluruhan profil

personaliti dan membandingkannya dengan pendekatan Holland. Hasil daripada kajian tersebut ialah profil keusahawanan adalah penting daripada enam bentuk pendekatan Holland, iaitu realistic, investigative, artistic, social, enterprising dan conventional untuk memahami kerjaya keusahawanan.

Hasil kajian ini telah mencadangkan supaya mereka yang memilih kerjaya usahawan mestilah mempunyai profil personaliti, realistic dan enterprising berbanding dengan mereka yang memilih lain-lain kerjaya yang disenaraikan oleh Holland.

Chew dan Koh (1991) telah melihat karektor keusahawanan berasaskan beberapa ciri seperti inovasi, kesanggupan risiko, memaksimumkan peluang serta daya inisiatif dan kesanggupan terhadap kegagalan. Mereka telah menguji beberapa profil psikologi usahawan dan meneliti hubungan ciri-ciri personaliti dengan ciri usahawan yang berjaya. Pembolehubah bersandarnya ialah personaliti keusahawanan yang dihubungkan dengan pembolehubah tak bersandar yang terpilih seperti 'kawalan dalaman, kemahuan untuk berjaya, keazaman, disiplin diri, kesanggupan mengambil risiko, keyakinan diri dan sikap tidak pedulikan keraguan. Sampel ialah usahawan tempatan (Singapura) iaitu dari Singapore Monetary exchange (SIMEX) dari pelbagai latar belakang. Borang-borang soal selidik telah diedarkan pada Mei 1991 melibatkan seramai 134 responden (103 orang masih di SIMEX dan 127 orang telah meninggalkan SIMEX) Analisa datanya menggunakan t-test untuk

mengenalpasti ciri-ciri personaliti yang membezakan antara 'yang berjaya dan yang kurang berjaya'

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kawalan dalaman merupakan ciri yang paling tinggi signifikan dan diikuti oleh kemahuan untuk berjaya dan keazaman. Keputusan ini membayangkan bahawa seperti individu yang lain, usahawan yang gemar untuk menetapkan matlamatnya akan digerakkan oleh kemahuannya untuk berjaya dan mencapai matlamat tadi dengan usaha yang bersungguh-sungguh. Displin diri, kesanggupan mengambil risiko dan keyakinan diri mempunyai tahap signifikan yang sama dan agak rendah.

Menurut Brodzinski, et. al., (1991) perhubungan di antara personaliti dan pilihan karier adalah sama untuk individu yang mempunyai role model yang tinggi, berbanding dengan mereka yang mempunyai role model yang rendah dan individu yang langsung tidak mempunyai role model. Kajian ini menggunakan sampel seramai 337 orang (195 lelaki dan 142 perempuan) pelajar di dalam jurusan pengurusan perniagaan di Southern United States University.

Kajian ini mencadangkan supaya kajian di masa hadapan perlu ditumpukan kepada meneliti akibat persekitaran dan kesan pengaruh pembelajaran seperti peranan model bagi mendorong ke arah memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Kajian ini juga mendedahkan kepentingan untuk mengkaji semua aspek profil personaliti bagi

seseorang individu dan hubungannya dengan kecenderungan kerjaya dan bukan hanya menumpu kepada satu ciri personaliti sahaja.

Miller (1982) telah menjalankan kajian ke atas struktur pola minat kerjaya dan ciri-ciri personaliti di kalangan 48 pelajar dari sebuah kolej di Northern New York. Kajian tersebut menggunakan kaedah "Strong Vocational Interest Blank" untuk melihat pola minat dan personaliti pelajar-pelajar tersebut. Keputusan kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan di antara konsep sendiri dan minat kerjaya. Kesimpulan kajian ini ialah maruah atau harga diri mempunyai kaitan dengan struktur pola minat kerjaya seseorang.

Kebanyakan pemilihan tentang kerjaya juga tertumpu kepada ciri-ciri kerja. Umumnya kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa kerja yang diidamkan adalah mempunyai ciri-ciri seperti dapat memberikan pencapaian, keselamatan kerja dan peluang untuk memberi pengalaman dan kemahiran.

Kelompok pelajar universiti jurusan perniagaan lebih suka mengelakkan kerja yang boleh dikategorikan sebagai rutin atau melibatkan peraturan dan prosedur. Ia juga mengelakkan kerja yang memerlukan memerintah orang lain atau mengambil risiko (Bartol dan Manhardt 1979; Brenner dan Tomkiewicz 1979, 1982; Manhardt 1972).



Feldman & Arnold (1978) dalam kajiannya menyatakan bahwa faktor gaji dan faedah adalah pengaruh yang besar dalam pemilihan kerjaya berbanding dengan peluang untuk menggunakan kebolehan, kemahiran dan autonomi.

Di samping itu, menurut Zedeck (1977) dalam kajiannya menyatakan bahawa peluang untuk meningkatkan diri merupakan faktor yang penting terhadap pemilihan kerjaya. Ini diikuti pula faktor gaji, kerja yang tidak tertakluk kepada masa kerja dan tanggungjawab sesuatu kerja.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut adalah penting untuk menilai ciri-ciri kerja dalam melihat kecenderungan pemilihan kerjaya seseorang individu. Ciri-ciri kerja merangkumi faktor-faktor keselamatan, kebebasan, ganjaran, nilai sosial dan persekitaran kerja, autonomi dan kemahiran. Pembolehubah-pembolehubah ini perlu dikaji untuk mengukur sama ada faktor-faktor ini memberi kesan ke atas kecenderungan seseorang untuk bekerja sendiri.

Brenner et. al. (1991), di dalam kajian mereka mendapati di kalangan pelajar universiti lebih cenderung memilih keusahawanan berbanding bekerja dalam organisasi. Namun halangan-halangan seperti kekurangan wang sebagai modal atau kurangnya galakan dari ibubapa telah menjadi faktor mengapa mereka terpaksa bekerja dengan organisasi.

Bagaimanapun Greenhaus et., al (1978) mendapati bahawa kecenderungan individu untuk memilih kerja berdasarkan beberapa ciri-ciri organisasi yang menjadi tarikan adalah menjadi faktor pencepat atau menjadikan pemilihan mereka itu lebih mudah.

Faktor pendidikan juga merupakan salah satu variabel yang menarik perhatian para pengkaji. O'Hara ( dalam Shertzer, 1970) telah menunjukkan bahawa konsep diri mempunyai hubungan dengan pilihan kerjaya dan pencapaian keputusan peperiksaan. Implementasi konsep diri dalam pilihan kerjaya bukan sahaja menunjukkan taraf diri, tetapi kebanyakan kes, ia melahirkan konsep diri dengan mengemukakan diri kepada pengalaman untuk meluaskan bakat, kebolehan dan minat seseorang. Pemilihan kerjaya dilihat sebagai satu usaha yang berterusan.

Azkan et. al (1995) dalam kajiannya mendapati semakin tinggi kelulusan yang diperolehi semakin rendah kebarangkalian untuk seseorang siswazah bekerja sendiri. Namun bagi siswazah yang mempunyai kelayakan profesional dapat meningkatkan minat untuk bekerja sendiri. Siswazah dari jurusan sains, kejuruteraan, perakaunan, sastera dan sains sosial adalah kurang minat bekerja sendiri.

Kepuasan terhadap kursus yang di ambil samada di sekolah atau mana-mana institusi pembelajaran juga mempunyai hubungan dalam pemilihan kerjaya. Dari kajian oleh Collin & Watkins (1983) ke atas pelajar pengurusan perniagaan terhadap penglibatan

mereka dalam aktiviti-aktiviti perniagaan seperti perniagaan bermusim, siswaniaga dan sebagainya. Adalah di dapati hanya sebahagian kecil sahaja yang terlibat dalam aktiviti perniagaan. Ini seolah-olah menggambarkan mereka tidak berminat dalam lapangan perniagaan walaupun mengambil kursus pengurusan perniagaan. Hasil kajian ini mendapati kebanyakan pelajar yang terlibat dalam perniagaan adalah disebabkan oleh pengaruh serta pembelajaran tidak formal dari ibubapa mereka yang menjalankan perniagaan.

Dolton, et. al (1990) melalui kajiannya mendapati bidang tumpuan yang dipilih oleh pelajar pengurusan perniagaan juga memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya. Oleh itu bidang tumpuan adalah merupakan aspirasi kepada mereka untuk terlibat dalam satu-satu kerjaya yang dipilih.

Pemilihan kerjaya juga dipengaruhi oleh faktor demografi seperti jantina. Bartol dan Manhardt (1979), mendapati terdapat perbezaan yang ketara di antara lelaki dan wanita dalam memilih kerjaya mereka. Kaum lelaki lebih menyukai pekerjaan yang memberikan pendapatan lumayan, berisiko dan boleh memerintah orang lain. Wanita pula inginkan kerja yang memberikan pengalaman dan kemahiran yang berkesinambungan, merangsang pemikiran, terdapat keserasian antara rakan sekerja dan persekitaran kerja yang menyenangkan.

Manakala menurut Sherer et., al (1990) mendapati lelaki mempunyai minat yang lebih mendalam dalam bidang keusahawanan berbanding wanita. Wanita juga kurang meminati bidang pekerjaan yang biasanya didominasi oleh orang lelaki. Namun begitu tiada perbezaan yang signifikan dalam pendidikan dan latihan sebagai persediaan untuk memiliki perniagaan sendiri.

Birley (1989) telah membuat kesimpulan dari kajiannya bahawa lelaki dan wanita adalah berbeza dari segi kekuatan keyakinan diri untuk memiliki perniagaan sendiri. Lelaki juga adalah lebih yakin terhadap kemampuannya berbanding wanita.

Martin dan Shehan (1989) membincangkan bagaimana pengaruh jantina, ganjaran, gaji dan nilai kerja mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan untuk memilih kerjaya khususnya di kalangan pelajar. Dalam kajian ini pemilihan kerjaya dikaitkan dengan kepuasan kerja yang akan menjadi pilihan. Hasil kajian mendapati hubungan akademik dan pemilihan kerjaya adalah rendah. Manakala wanita mementingkan ganjaran dalaman dan suasana kerja jika dibandingkan dengan lelaki yang lebih mementingkan ganjaran luaran seperti gaji dan kenaikan pangkat.

Olive (1973) pula mendapati bahawa umumnya, kaum perempuan tidak mempunyai aspirasi terhadap pekerjaan yang bertaraf tinggi seperti doktor, pengetua atau pegawai atasan. Sebaliknya mereka lebih cenderung terhadap pekerjaan yang bertaraf rendah seperti setiausaha, jururawat dan sebagainya.

Faktor keluarga juga mempengaruhi seseorang itu dalam pemilihan kerjayanya, juga didapati signifikan terutamanya dalam bidang keusahawanan.

Scott dan Twomey (1988) mengatakan bahawa pelajar yang ibubapa mereka memiliki perniagaan menyebabkan minat yang tinggi untuk bekerja sendiri. Pengaruh ini adalah disebabkan oleh pendidikan secara tidak langsung yang diterima dan diperhatikan dari ibubapa dan lebih berkesan berbanding pengalaman di tempat kerja formal.

Menurut Shapero (1975) tindakan memulakan perniagaan baru merupakan “tindakan imaginasi” apabila usahawan yang berpotensi boleh mengaitkan ‘role model’ ibubapa mereka yang berniaga dan dalam kajian ini yang paling signifikan ialah bapa.

Latarbelakang pengalaman juga mempengaruhi pemilihan kerjaya. Sharpers dan Sokol (1982) telah mencadangkan satu rangka kerja untuk memahami bagaimana pengalaman mungkin memberikan pengalaman lain. Pengalaman kerja ini adalah merangkumi batasan pekerjaan terdahulu, kepuasan kerja, pengambilalihan dalam pekerjaan dan kongongan organisasi telah mempengaruhi seseorang untuk memilih bidang keusahawanan. Brochaus (1980) mendapati kebanyakan usahawan adalah *tidak puashati dengan pekerjaan lalu. Manakala Scott dan Twomey (1988) pula* mendapati pelajar yang mempunyai pengalaman kerja lebih cenderung untuk memiliki perniagaan sendiri.

Antara faktor-faktor lain yang dikemukakan oleh ahli teori perkembangan kerjaya seperti Hollingshead , Holland dan Roe (dalam Holland 1973) memberi pendapat bahawa perkembangan kerjaya dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan antara faktor yang penting ialah:

- a. Bakat pekerjaan seperti kebolehan dalam satu-satu bidang atau jenis pekerjaan yang khusus seperti mekanikal
- b. Minat seperti meminati satu-satu bidang latihan atau pekerjaan yang khusus.
- c. Personaliti yang meliputi ciri-ciri seperti konsep diri, nilai kehendak dan cara berinteraksi dengan individu yang lain.
- d. Pencapaian dalam bidang akademik atau pelajaran tertentu.
- e. Keadaan keluarga seperti komposisi keluarga, kedudukan keluarga, pekerjaan ibubapa, bangsa, tempat asal dan ciri-ciri sub budaya.
- f. Ekonomi seperti kaedah pengambilan pekerja, pasaran kerja dan kesan-kesan teknologi terhadap dunia pekerjaan.
- g. Faktor-faktor halangan sama ada halangan sosial, fizikal atau psikologi yang boleh menghadkan seseorang itu untuk melakukan sesuatu pekerjaan.

### 2.3 Kecenderungan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

Kajian yang dijalankan bersama antara MEDEC-ITM dan SEDC (UPM) (1988) menunjukkan kurangnya siswazah menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Di antara sebab yang dinyatakan ialah harapan dan jangkaan siswazah, ibubapa dan masyarakat tidak cenderung ke arah keusahawanan, kurangnya kesedaran terhadap peluang-peluang perniagaan berdasarkan kemahiran yang ada dan kesedaran terhadap keusahawanan sebagai satu bidang profesional. Sistem pendidikan kurang menekankan pembinaan sikap dan semangat keusahawanan. Takut kepada risiko perniagaan telah mengurangkan minat mereka dalam bidang keusahawanan dan juga kurang bersedia dari aspek modal, pengetahuan dan selok-belok perniagaan.

Wan Rafaei Abdul Rahman (1984) telah membuat kajian tentang pemilihan kerjaya dalam konteks silang budaya. Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar tahun tiga di Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam kajian ini para pelajar telah dibahagikan kepada dua kelompok iaitu pelajar bumiputera dan bukan bumiputera.

Kajian ini telah menggunakan teknik "repertory grid". Hasil kajian ini menunjukkan pelajar bumiputera dan bukan bumiputera mengamati kerja dalam dua dimensi yang terpenting, iaitu "real self" dan "ideal self". Kedua-dua kelompok responden melihat

dunia pekerjaan dalam dua dimensi atau komponen yang terpenting di mana pengamatan mereka terhadap dunia pekerjaan ialah lebih kurang 60%.

Keputusan kajian telah menunjukkan perbezaan di antara dua kelompok sampel tersebut, di mana pelajar-pelajar bumiputera melihat kerja dengan kerajaan sebagai pilihan utama dan kerja sebagai usahawan menjadi pilihan kedua penting. Manakala pelajar bukan bumiputera melihat kerja usahawan adalah lebih penting berbanding dengan kerja dengan kerajaan. Dari segi jarak di antara "real self" dan "ideal self" di antara pelajar bumiputera adalah lebih besar berbanding dengan pelajar bukan bumiputera.

Cooper, et., al. (1988) dalam kajian mereka mendapati faktor keyakinan diri adalah tinggi di kalangan pelajar yang menceburi bidang keusahawanan. Dari sampel kajian seramai 2994 responden, seramai 2425 responden mempunyai keyakinan bahawa peluang mereka untuk berjaya adalah 70%.

Kajian oleh Brenner et., al (1991) mendapati secara puratanya perasaan kesempurnaan di dalam penyelesaian sesuatu kerja diberikan prioriti. Hasil kajian dikalangan 237 responden menunjukkan kesempurnaan penyelesaian kerja sangat diutamakan oleh pelajar-pelajar universiti yang mengambil urusan Pengurusan Perniagaan. Ciri-ciri kesempurnaan ini bagi mereka hanya diperolehi jika menjadi seorang usahawan. Hasil kajian mereka juga mendapati bekerja di organisasi



lebih selamat berbentuk rutin dan kurang memberi keseronokan dalam ertikata sebenar.

Azkan et.al, (1995) pula menjalankan kajian tentang faktor penentu di dalam pemilihan kerjaya di kalangan pelajar universiti di Singapura. Seramai 2537 responden terlibat dalam kajian ini yang menggunakan Model "binary profit" untuk menganggarkan penentu-penentu tersebut. Hasil kajian mendapati graduan lelaki lebih ramai memilih untuk menceburi bidang keusahawanan berbanding perempuan.

Kajian oleh Rohany Nasir (1984) yang dijalankan di kalangan 80 orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia mengenai minat dan proses perkembangan kerjaya telah menunjukkan wujudnya hubungan di antara bidang dan jenis minat kerjaya dengan jantina. Secara keseluruhan, kajian mendapati bidang kerjaya paling diminati ialah bidang "Arts" iaitu sebanyak 27.5% dan kedua bidang perniagaan sebanyak 23.8%. Bagi bidang "Arts" jumlah besar yang meminatinya ialah pelajar wanita iaitu sebanyak 25% dan bidang perniagaan lebih diminati oleh pelajar lelaki iaitu sebanyak 21.3%.

Rumusan yang boleh di buat di sini ialah bahawa setiap individu yang akan melibatkan diri dalam dunia pekerjaan seharusnya mempunyai minat kerjaya yang jelas. Brenner et. al (1991), dalam kajiannya menyatakan minat untuk menceburi satu bidang kerjaya itu mengatasi masalah yang bakal dihadapi oleh seseorang.

Contohnya, jika seseorang itu memilih kerjaya sebagai seorang usahawan, maka sudah pasti dia sudah bersedia untuk menghadapi sebarang risiko perniagaan seperti kerugian. Oleh itu, pemilihan kerjaya mestilah berkait rapat dengan persepsinya terhadap pekerjaan yang dipilih.

#### **2.4 Teori Pemilihan Kerjaya**

Pelbagai kajian mengenai pemilihan kerjaya telah menemukan pelbagai teori mengenai pemilihan kerjaya. Setiap teori memberi penekanan dari aspek tertentu oleh para pengkaji kerjaya. Teori kerjaya Holland telah menekankan aspek personaliti dan minat dalam pemilihan kerjaya. Teori Holland akan digunakan sebagai latar belakang kajian ini. Teori ini menekankan personaliti seseorang individu mempengaruhi kecenderungan pemilihan kerjaya.

Setiap manusia mempunyai personaliti tersendiri yang menentukan seseorang itu memilih kerjayanya. Teori ini lebih memberi tumpuan kepada kehendak dan keperluan seseorang dimana kedua-duanya menjadi penggerak kepada seseorang untuk lebih menggemari sesuatu jenis pekerjaan berbanding dengan jenis pekerjaan yang lain. Dalam teori ini, ciri personaliti merupakan ciri penting dalam mempengaruhi kecenderungan pemilihan kerjaya seseorang.

Berdasarkan teori ini, Holland telah menyatakan terdapat 6 kategori personaliti yang wujud dan mempunyai hubungan dengan pekerjaan. Huraian adalah secara am. Tiada antara berikut yang bersesuaian dengan setiap orang secara tepat . Enam jenis personaliti-pekerjaan tersebut ialah *realistic, investigative, artistic, social, enterprising* dan *conventional*

#### a. Realistik

Individu jenis ini adalah praktikal, kuat fizikal dan selalunya seorang ahli sukan, mempunyai koordinasi dan kemahiran pergerakan yang baik, tetapi mempunyai kelemahan dalam kemahiran verbal dan interpersonal. Mereka kurang selesa dengan persekitaran sosial, dan selalu mengangap diri mereka suka berterus terang, stabil dan semulajadi. Mereka lebih suka masalah konkrit daripada yang abstrak, agresif, mempunyai cita-cita politik dan ekonomi, jarang melibatkan diri secara kreatif dalam sastera atau sains. Mereka juga lebih suka melakukan sesuatu menggunakan peralatan. Jenis realistik ini lebih gemar kepada pekerjaan seperti mekanik, jurutera, juruelektrik, pengendali kren dan pereka alatan.

#### b. Investigative

Kategori ini termasuk mereka yang mempunyai orientasi sains yang kuat, berorientasikan tugas, gemar berfikiran tentang masalah daripada berusaha mengatasinya. Mereka mempunyai keperluan yang tinggi untuk memahami persekitaran fizikal, seronok dengan tugas yang kabur, gemar bekerja secara

sendirian, mempunyai nilai-nilai dan sikap yang tidak konvensional. Mereka menganggap diri mereka kurang ciri-ciri kepemimpinan, tetapi yakin terhadap kelayakan akademik dan intelektual mereka. Individu ini menganggap dirinya seorang yang analitis, curiga dan bebas, cukup tidak suka kepada aktiviti yang berulang-ulang. Contohnya pekerjaan golongan ini seperti ahli astronomi, ahli biologi, ahli kimia dan pakar jiwa.

#### **c. Artistik**

Individu ini bercirikan kesenian dan gemar kepada situasi yang tidak berstruktur dengan tidak ada batasan untuk meluahkan perasaan diri sendiri. Individu ini cenderung kepada gelagat yang paksa. Mereka adalah kreatif, terutama melalui media lukisan dan muzik. Mereka selalu mencuba mengelak masalah yang berstruktur tinggi atau memerlukan kemahiran fizikal. Mereka lebih gemar berurusan dengan masalah yang memerlukan media seni sebagai luahan perasaan diri. Mereka dapat menilai kualiti estetika dan melihat diri mereka sebagai kreatif, inovatif dan bebas. Golongan jenis ini lebih gemar kepada pekerjaan seperti artis, penulis buku, komposer, pemuzik dan konduktor simfoni

#### **d. Sosial**

Individu jenis ini bertanggung jawab, berciri kemanusiaan, suka bekerja dalam kumpulan dan gemar menjadi tumpuan dalam sesuatu kumpulan, mempunyai kemahiran verbal dan interpersonal yang baik, mengelak penyelesaian masalah yang

memerlukan keupayaan intelektual. Mereka kuat berusaha, gemar menyelesaikan masalah melalui memanipulasi perasaan orang lain, gemar kepada aktiviti yang perlukan latihan, pembangunan, membantu orang lain, bertanggungjawab, idealistik dan suka membantu. Contohnya, golongan ini suka kepada pekerjaan guru dan pekerja sosial.

#### **e. Enterprising**

Individu jenis ini mempunyai kemahiran verbal melakukan jualan, seorang pemimpin yang baik, mempunyai kecenderungan kuat untuk mencapai matlamat organisasi atau ekonomi. Individu ini cenderung untuk mengelak situasi kerja yang perlukan keupayaan intelektual bagi tempoh masa yang lama, lebih gemar melakukan tugas yang kabur, suka kepada kuasa, status dan kepimpinan. Mereka melihat diri mereka sendiri sebagai agresif, popular, yakin pada diri sendiri, sentiasa riang dan elak aktiviti saintifik. Golongan jenis ini lebih gemar kepada pekerjaan seperti eksekutif perniagaan, pengurus kempen politik, jurujual dan peniaga runcit.

#### **f. Konvensional**

Individu konvensional lebih gemar kepada persekitaran yang teratur dan sistematik, selalunya patuh kepada peraturan, cekap dengan tugas yang berstruktur tinggi, tetapi mengelak kepada situasi yang kabur dan masalah yang memerlukan kemahiran interpersonal atau fizikal. Mereka melihat diri mereka sebagai cekap, taat, tenang, teratur dan praktikal. Contohnya, golongan ini lebih gemar kepada pekerjaan seperti

kerani, pengurus bank, penganalisa kewangan, pakar pengawal kualiti dan ahli statistik.

Rumusan ciri-ciri personaliti di atas menunjukkan setiap pemilihan kerjaya individu adalah melambangkan personalitinya. Semakin tinggi tahap persamaan dan keseragaman personaliti seseorang itu dengan salah satu dari enam jenis personaliti di atas, maka semakin tinggi tahap keyakinan dalam menduga interaksi atau hubungan dengan pekerjaan.

Selain daripada itu, teori ini juga membantu individu di semua peringkat umur untuk memilih dan menukar pekerjaan serta mencapai kepuasan dalam pekerjaan yang diceburi. Holland mempercayai bahawa seseorang yang berada dalam proses membuat pilihan kerjaya mencari keadaan yang memenuhi orientasi yang sesuai baginya.

Pada dasarnya, teori ini mempunyai beberapa prinsip asas yang dapat diterima dan logik dalam memperkatakan mengenai personaliti dan model persekitaran. Prinsip-prinsip tersebut adalah:

a. Pemilihan kerjaya adalah ekspresi personaliti

Setiap individu mempunyai personaliti tersendiri dan ianya berbeza dengan orang lain. Di mana faktor personaliti dan persekitaran adalah mempunyai kaitan dengan pemilihan kerjaya, pertukaran kerja dan pencapaian dalam

kerjaya. Orientasi tersebut jelas menunjukkan bahawa minat kerjaya individu itu adalah berdasarkan sejarah hidup dan personalitinya.

b. Inventori minat adalah inventori personalitinya

Segala aktiviti atau tindakan dan minat terhadap sesuatu kerjaya dapat ditakrifkan sebagai ekspresi daripada pelbagai dimensi personaliti seseorang. Oleh itu untuk menilai seseorang boleh berdasarkan aktiviti dan minatnya.

c. Stereotaip kerjaya mempunyai makna tertentu dari segi psikologi dan sosiologi.

Setiap individu itu mempunyai stereotaip tertentu tentang pekerjaan dengan lain perkataan individu tersebut mempunyai definisi tersendiri mengenai sesuatu kerjaya. Di mana seseorang individu itu dinilai dan dikenali melalui kawannya, cara ia berpakaian, tindakan yang dilakukan dan kerjayanya. Contohnya dalam konteks ini peniaga selalu disifatkan sebagai persuasif, akauntan bersifat teliti dan peguam bersifat agresif serta pelbagai sifat lagi yang diasosiasikan berdasarkan pekerjaan.

d. Individu dari suatu pekerjaan mempunyai persamaan dari segi personaliti dan latar belakang. Andaian bahawa individu-individu meminati atau menceburi sesuatu bidang kerjaya mempunyai personaliti seakan serupa atau

hampir serupa. Oleh itu , tindakan yang dilakukan oleh golongan ini terhadap pelbagai situasi dan masalah adalah sama atau hampir serupa.

e. Kepuasan, kestabilan dan pencapaian dalam kerjaya

Perkara ini bergantung kepada sejauh mana keserasian personaliti individu dengan persekitaran kerjayanya. Ianya dapat dijelaskan seperti berikut iaitu seseorang individu senantiasa merasa seronok dengan pekerjaannya apabila persekitaran kerja itu dapat mewujudkan aktiviti-aktiviti yang disukainya atau sesuai dengan kehendaknya dan meneguhkan kedudukannya.

Berdasarkan prinsip di atas , Holland (1973) telah membentuk Teori Perkembangan Kerjaya yang telah mengemukakan empat saranan utama. Saranan tersebut menunjukkan jenis-jenis personaliti dan model persekitaran yang boleh menentukan dan mewujudkan fenomena pekerjaan serta didikan sosial seseorang individu itu. Saranan-saranan oleh Holland ialah.

- a. Individu boleh dikategorikan sebagai salah satu daripada enam jenis personaliti iaitu realistik, 'investigative', artistik, sosial, 'enterprising' dan konvensional. Setiap jenis personaliti ini adalah hasil daripada interaksi antara pelbagai kebudayaan dengan personal-personal tertentu termasuklah rakan sebaya, ibubapa, kelas sosial dan persekitaran fizikal. Di mana individu biasanya akan mempelajari terlebih dahulu sesuatu aktiviti itu sebelum



timbulnya minat. Minat dan kebolehan akan dapat memberi panduan kepada individu untuk berfikir dan bertindak dengan cara tertentu. Contohnya, jika seseorang itu mempunyai jenis personaliti enterprising, maka ia lebih cenderung kepada pekerjaan yang bercorak perniagaan.

- b. Terdapat enam jenis persekitaran pekerjaan iaitu realistik, 'investigative', artistik, sosial, 'enterprising' dan konvensional di mana setiap persekitaran ini bersesuaian dengan jenis personaliti yang sama. Contohnya persekitaran 'enterprising' adalah sesuai dengan individu yang mempunyai personaliti realistik.
- c. Setiap individu biasanya akan mencari pekerjaan dan persekitaran yang memberi peluang kepadanya menggunakan kemahiran dan kecekapan, dapat melahirkan sikap, nilai dan dapat menerima peranan serta masalah yang dihadapi.
- d. Tingkahlaku individu adalah ditentukan oleh interaksi antara jenis personaliti dengan persekitarannya. Di mana, kita dapat meramalkan tingkahlaku dan jenis kerja yang sesuai dengan seseorang individu itu jika kita tahu jenis personalitinya dan persekitaran individu itu.

Selain dari empat saranan utama di atas, Holland juga telah mengemukakan beberapa konsep tambahan. Konsep-konsep ini dapat digunakan ke atas jenis personaliti dan persekitaran kerja iaitu:

a. Konsisten (Consistency)

Persekitaran dan personaliti adalah berkaitan dengan satu jenis dengan jenis yang lain dimana terdapatnya hubungan yang konsisten dan sesetengahnya tidak. Contohnya hubungan di antara realistik dan investigative adalah lebih umum berbanding hubungan di antara artistik dengan konvensional.

b. Kelainan (Differentiation)

Konsep ini adalah merujuk kepada individu yang sukar dikategorikan personalitinya atau persekitarannya kerana personalitinya seakan-akan sama.

c. Kesesuaian (Congruent)


Jenis personaliti dengan persekitaran memerlukan persesuaian atau pelarasan. Contohnya personaliti realistik akan berjaya dalam kerjaya yang mempunyai persekitaran realistik. Ini adalah kerana persekitaran yang selaras itu akan menyediakan peluang dan ganjaran yang dikehendaki oleh individu tersebut.

d. Kalkulus

Hubungan di antara personaliti atau persekitaran dapat dijelaskan mengikut model heksagonal di mana ia bergantung kepada jarak antara personaliti-personaliti itu. Jika jaraknya dekat, ianya lebih mempunyai persamaan dan sebaliknya jika ianya jauh ia kurang mempunyai persamaan.

Rajah 1 merupakan Model Heksogonal Holland yang menunjukkan jenis-jenis personaliti dan hubungannya dengan faktor individu dan persekitaran yang terdapat di dalam Model Perkembangan Kerjaya Holland (1973).

Rajah 1: Model Heksogonal Holland



Setiap satu ciri personaliti diletakkan di hujung setiap segi heksagon. Di setiap hujung yang bertentangan (tiga sudut yang bertentangan) diletakkan jenis

personaliti yang berlawanan. Tiada satu personaliti yang benar-benar sesuai dengan mana-mana individu, tetapi terdapat yang hampir-hampir sesuai berbanding yang lain. Holland mengatakan seseorang individu boleh dijelaskan menggunakan tiga jenis personaliti vokasional yang menyerupai mereka dan disusun secara menurun mengikut tahap kesamaan. Sebagai contoh, untuk individu Investigative, Sosial dan Enterprising (ISE), jenis investigative adalah lebih hampir menerangkan diri mereka, keduanya jenis sosial dan seterusnya jenis enterprising. Holland turut mengatakan bahawa konsep di atas boleh menerangkan pekerjaan. Beliau menegaskan bahawa persekitaran menggunakan pengaruhnya melalui individu di dalamnya. Pekerjaan dapat dijelaskan melalui individu di dalamnya menggunakan tiga jenis paling berkaitan dan di susun secara menurun.

Seterusnya, hipotesis Holland mengatakan seseorang individu akan mencapai kejayaan dan kepuasan kerja apabila kerjaya mereka menepati personaliti mereka. Spokane (1985) dan Holland (1985) telah menjalankan kajian mengenai hipotesis tersebut, dan turut mengkaji lain-lain aspek teori Holland.

Beberapa kesimpulan dapat dibuat:

- a. Jenis personaliti vokasional yang dinyatakan merupakan dimensi asas kepada personaliti individu. Walaupun model heksagon tidak menggambarkan kesamaan jenis personaliti tersebut dengan tepat,

tetapi ia dapat menunjukkan bahawa terdapat kesamaan di antara jenis-jenis personaliti tersebut.

- b. Terdapat bukti yang mengatakan bahawa kesamaan mempunyai hubungan dengan kepuasan kerja dan kejayaan. Namun demikian, bukti-bukti tersebut tidak selalunya benar kerana kesamaan tidak dapat dipastikan dapat mempengaruhi kepuasan kerja dan kejayaan.
- c. Kesamaan di antara individu dan pemilihan kerjaya banyak di kaji, tetapi tidak banyak kajian mengenai hubungan di antara individu dengan kerjaya sebenar mereka atau latarbelakang pendidikan mereka. Oleh kerana pemilihan kerjaya bukan merupakan elemen persekitaran, ianya bukan satu asas yang sesuai untuk menilai kesamaan.
- d. Kebanyakan kajian berasaskan kepada penilaian secara manual (kertas dan pensil), tidak kepada gelagat atau kelakuan.

Selain daripada faktor jenis personaliti dan persekitaran, Holland turut menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor lain yang juga menentukan pekerjaan seseorang seperti kedudukan ekonomi, latar belakang keluarga, kecerdasan otak, nilai, pendidikan dan kemahiran.


## 2.5 KERANGKA KAJIAN

Dalam kajian ini teori Holland akan diuji dengan menggunakan tiga huruf tertinggi . Tiga huruf tersebut merupakan salah satu pembolehubah personaliti yang akan dilihat hubungannya dengan pembolehubah bersandar iaitu pilihan minat kerjaya keusahawanan. Pembolehubah lain yang menjadi minat kajian ini ialah kepuasan kursus, ciri-ciri pekerjaan dan ciri-diri demografi. Kepuasan pelatih terhadap kursus dapat menggambarkan pengaruh pembolehubah persekitaran terhadap personaliti. Mengikut teori Holland personaliti seseorang dibentuk oleh persekitaran dan boleh mempengaruhi orientasi minat seseorang. Minat pilihan kerjaya keusahawanan dapat dinilai hubungannya dengan tahap pelatih terhadap kursus yang diikutinya. Kajian ini cuba menguji adakah persekitaran pembelajaran di IKM yang berorientasikan kemahiran dan keusahawanan dapat membentuk orientasi minat kerjaya keusahawanan pelatih.

Kajian ini juga menguji variabel ciri-ciri pekerjaan dan hubungannya dengan minat kerjaya keusahawanan. Ciri-ciri kerjaya keusahawanan sebenarnya adalah unik dan berbeza dengan ciri-ciri pekerjaan bukan keusahawanan. Kajian ini cuba meneliti apakah ciri-ciri pekerjaan yang dipentingkan oleh pelatih dan adakah ciri-ciri tersebut berkaitannya dengan minat kerjaya keusahawanan. Variabel personaliti pula menyentuh lima jenis personaliti iaitu RIASEC yang dinyatakan oleh teori Holland. Kajian ini cuba meneliti apakah jenis personaliti yang wujud di kalangan pelatih.

Fokus utama ialah meneliti personaliti jenis E iaitu entreprising yang wujud di kalangan pelatih. Variabel ciri demografi juga menjadi minat kajian ini. Ciri tersebut merangkumi jantina, jenis pengajian kursus, latarbelakang pekerjaan ibubapa, pengaruh 'role model', pengalaman dan tempoh pengajian. Pembolehubah - pembolehubah tersebut dapat digambarkan dalam kerangka kajian berikut;

**Rajah 2 : Kerangka Model Kajian**



## **BAB 3**

### **3.0 METODOLOGI**

#### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan ini bersifat 'cross-sectional study' yang cuba mengkategorikan dua kelompok responden yang berorientasikan minat kerjaya keusahawanan dan yang tidak berorientasikan kerjaya keusahawanan. Kedua kelompok tersebut akan dibandingkan dan dihubungkan dengan pembolehubah tak bersandar kajian seperti kepuasan kursus, ciri kerja, personaliti dan faktor demografi.

#### **3.2 Lokasi Kajian**

Kajian ini dilakukan di Institut Kemahiran MARA (IKM), Alor Setar, Kedah yang mempunyai seramai 235 bagi sesi Disember 1996/97. IKM Alor Setar merupakan salah sebuah institut yang dikendalikan oleh MARA untuk melahirkan gunatenaga mahir dan bakal usahawan bumiputera. IKM Alor Setar adalah institusi latihan yang berorientasikan latihan kemahiran. Justru itu hampir 70% pelajaran yang di ajar adalah berkaitan dengan latihan amali dan hanya 30% adalah yang berkaitan dengan mata pelajaran teori. Matapelajaran yang diajar ialah seperti teori dalam bidang



kemahiran yang dipelajari, matematik ketukangan, dan tiga mata pelajaran yang diwajibkan ke atas semua pelatih iaitu mata pelajaran Keusahawanan, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam. IKM Alor Setar atau ringkasnya IKMAS hanya menawarkan lima kursus kemahiran sahaja. Kursus tersebut ialah Kursus Lukisan Senibina, Lukisan Kejuruteraan Awam, kursus Binaan Bangunan, Kursus Pembuatan Perabut dan kursus Ketukangan Kayu dan Tanggam. Pelatih-pelatih yang berjaya dalam peperiksaan di IKM akan memperolehi dua jenis sijil iaitu sijil Kemahiran MARA yang diberikan oleh MARA dan sijil Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang disediakan oleh pihak MLVK.

### **3.3 Sampel Kajian**

Populasi kajian merupakan semua pelatih yang berada di IKM Alor Setar iaitu seramai 235 orang (tidak termasuk pelatih semester empat yang menjalani latihan praktikal). Pelatih IKM Alor Setar di bahagikan mengikut kursus dan semester. Sebanyak lima kursus iaitu Lukisan Senibina, Lukisan Kejuruteraan Awam, Perabot Pertukangan Kayu dan Tanggam dan Binaan Bangunan terdapat di IKMAS manakala semester pengajian pula terbahagi kepada semester satu seramai 150 orang pelatih semester dua seramai 23 orang pelatih, semester tiga seramai 62 orang pelatih.

Oleh kerana, corak populasi adalah terbahagi sedemikian maka kaedah persampelan rawak berstrata dilaksanakan mengikut semester pengajian dan jenis kursus.

Berasaskan semester pengajian pelatih dari dua kumpulan semester di ambil, iaitu semester satu dan semester tiga. Pelatih tahun satu telah mengikuti pengajian selama 6 bulan manakala pelatih semester tiga selama 18 bulan pengajian. Jumlah bulan pengajian di kenalpasti memandangkan borang soalselidek diedarkan 2 hari sebelum pelajar bercuti semester. Pelatih semester dua tidak di pilih kerana bagi sesi pengajian Disember 96/97 hanya terdapat dua kursus sahaja yang mempunyai pelatih semester dua dan jumlah yang kecil cuma seramai 23 orang sahaja. Saiz sampel yang ditetapkan ialah seramai 117 dan setelah disemak hanya 113 sahaja dapat diterima sebagai saiz sampel. Saiz sampel kajian ini ialah sebanyak 48.1 % daripada jumlah populasi (235 orang).

### 3.4 Instrumen Kajian

Satu set borang soal selidik untuk setiap responden digunakan sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu A,B,C,D dan E. Bahagian A mengandungi 10 soalan mengenai maklumat atau biodata peribadi responden. Bahagian B pula mengandungi empat soalan mengenai jenis atau bentuk pekerjaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Manakala bahagian C mengandungi 18 soalan mengenai tahap kepuasan kursus yang di ambil di IKM. Seterusnya bahagian D pula merupakan 25 soalan mengenai ciri-ciri pekerjaan manakala bahagian E adalah "self-directed search" oleh Holland yang mengukur personaliti-pekerjaan

Bahagian A mengandungi 10 soalan tentang biodata subjek seperti jantina, bangsa, umur, kelulusan sebelum memasuki IKM, pekerjaan ibu dan bapa, kursus yang diambil, pengalaman kerja sebelum memasuki IKM dan samada mempunyai minat terhadap bidang perniagaan.

Bahagian B pula mengandungi 4 soalan yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya, iaitu dari aspek sektor pekerjaan atau organisasi, satu ruang disediakan untuk jenis pekerjaan yang ingin diceburi oleh responden. Sementara itu bahagian ini juga mempunyai senarai faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Faktor-faktor kerjaya tersebut telah dikategorikan kepada dua soalan yang dipecahkan kepada faktor galakan dan faktor kriteria mengapa pekerjaan tersebut ingin diceburi. Untuk soalan ini pilihan jawapan yang disediakan ialah 'ya' dan 'tidak'.

Bahagian C pula mengandungi soalan-soalan mengenai kepuasan terhadap kursus yang dipelajari di IKM. Instrumen bahagian C ini telah dihasilkan oleh Brayfield & Rothe (1951). Instrumen ini telah diadaptasi dari 'Overall Job Satisfaction measure' Brayfield & Rothe (1951) dan di ubahsuai untuk diaplikasikan kepada kursus yang dipelajari 'Overall Course Satisfaction measure' (OCS). Ia mengandungi 18 soalan merangkumi reaksi penilaian kepuasan terhadap kursus yang di pelajari.

Contohnya:

1. Kursus ini adalah hobi bagi saya

2. Kursus saya ini selalunya dapat menghilangkan bosan

3. Nampaknya rakan-rakan saya lebih berminat dengan kursus ini

Responden dikehendaki menandakan darjah kepuasan terhadap setiap aspek kursus yang dipelajari. Skala Likert lima mata digunakan untuk mengukur jawapan responden terhadap kepuasan kursus yang diberikan. Ia bermula dari jawapan 'sangat tidak setuju' kepada 'sangat setuju' yang bermula dari skor 1 sehingga 5 yang akan dijumlahkan. Jumlah markah adalah dari 18 sehingga 90. Skor separuh dari markah tersebut adalah diundurkan (reversed). Soalan yang terlibat ialah soalan: 3, 4, 6, 8, 10, 11, 14, 16 dan 18.

Kesahan (validiti) dan kebolehpercayaan (reliability) instrumen ini telah dijalankan oleh lain-lain pengkaji (contohnya, Cook et al., 1981). Instrumen ini juga telah diaplikasikan ke atas pelbagai jenis pekerjaan termasuk pelajar di institusi pengajian, pegawai kerajaan, jururawat, kerani dan pengurus. Ia juga telah diaplikasikan kepada pelbagai budaya seperti di Afrika Selatan, dan Israel (telah diterjemah ke bahasa Hebrew), Cook et al., (1981).

Bahagian D pula adalah mengenai ciri-ciri pekerjaan. Ciri-ciri pekerjaan ini telah diukur dengan menggunakan instrumen yang mengandungi 25 soalan yang telah dihasilkan oleh Manhardt (1972). Soalan-soalan dalam instrumen ini akan mengukur ciri-ciri pekerjaan secara meluas. Responden di minta untuk menandakan kepentingan setiap ciri dengan menggunakan skala Likert lima mata. Bermula dari 1 iaitu sangat

tidak penting hingga 5 iaitu sangat penting. Instrumen ini telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas ke atas siswazah di institut pengajian (Bartol 1974, Bartol dan Manhardt 1979, Beutell and Brenner 1986, Brenner dan Tomkiewicz 1979, 1982) dan kepada pengurus pertengahan (Brenner, Blazini dan Greenhaus 1988) dan Manhardt (1979). Kajian-kajian ini telah menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini selama lebih dari tempoh 9 tahun, Brenner, Pringle dan GreenHaus (1991).

Bahagian E pula adalah merupakan bahagian penilaian personaliti yang mana item-item dalam instrumen ini telah dibangunkan oleh seorang ahli psikologi iaitu John Holland yang di kenali sebagai 'The Self Directed Search: A Guide To Educational and Vocational Planning (SDS), Holland (1977).

Penilaian Self Directed Search (SDS) adalah disusun menurut enam jenis personaliti Holland iaitu Realistik, Investigative, Artistik, Sosial, Enterprising dan Conventional (RIASEC). Ianya terdiri dari empat bahagian iaitu aktiviti, kebolehan/kemampuan, pekerjaan dan penilaian diri yang dapat mengenalpasti keserupaan dengan jenis personaliti seseorang individu. Manakala, skor SDS diperolehi daripada skala enam jenis personaliti untuk setiap pelatih. 3 skor tertinggi akan menunjukkan 3 kod huruf yang akan menerangkan personaliti pelatih tersebut. Contohnya, pelatih yang telah mendapat skor tertinggi untuk realistik, yang kedua tinggi ialah investigative dan yang ketiga tinggi ialah sosial akan mempunyai 3 kod huruf iaitu RIS.

Bagi kesahan dan kebolehpercayaan SDS, Holland (1971) menyatakan ujian 'reliability coefficients' (Kuder-Richardson formula 20) untuk skala individu bagi instrument ini (SDS) adalah di antara 0.53 sehingga 0.88 bagi 358 pelajar lelaki dan 366 pelajar perempuan. Holland (1982), menyatakan dalam kajiannya bahawa ujian 'split-half reliability coefficients' menunjukkan skala di antara 0.83 sehingga 0.93 bagi jumlah 105 pelajar lelaki dan 104 pelajar perempuan. Holland (1982) seterusnya menyatakan kedua-dua ujian kesahan dan kebolehpercayaan memberikan keputusan yang hampir sama.

SDS juga telah digunakan dengan jayanya di kalangan pelajar universiti, pelajar sekolah, remaja, pekerja samada dari kalangan bangsa kulit hitam atau kulit putih di Amerika begitu juga dengan 'Spanish Americans dan 'American-Indians'. Dalam konteks budaya pula SDS telah digunakan di Australia, Kanada, England, Belanda Israel dan Nigeria di mana ini bermakna kandungan dan struktur SDS tidak hanya sesuai untuk budaya Amerika sahaja (Holland, 1982).

### 3.5 Tatacara Kajian

Sebanyak 117 borang soal selidek telah diedarkan kepada 117 responden yang telah di pilih di kalangan pelatih semester satu dan semester tiga IKM Alor Setar secara berperingkat dalam masa sehari. Kebenaran telah diperolehi dari pengetua IKM Alor Setar untuk menjalankan kajian. Di mana pelatih yang dipilih dari kursus dan semester yang sama akan dihimpun dalam satu bilik darjah dan diberi masa untuk menjawab soalan-soalan yang terdapat di dalam soal selidik. Pelatih dapat menyiapkan jawapan bagi setiap soal selidik dalam masa purata tidak melebihi 30 minit bagi satu kumpulan. Sebanyak 10 sesi perhimpunan diadakan di mana setiap sesi adalah himpunan seramai 15 hingga 24 pelatih dari semester dan kursus yang sama.

Pengkaji memilih untuk berada bersama dalam kesemua sesi perhimpunan responden bagi membantu responden sekiranya terdapat istilah atau arahan yang tidak difahami.

Borang soal selidek diedarkan selepas itu pengkaji menerangkan satu persatu arahan terutama di bahagian penyusunan jawapan bagi bahagian E (SDS). Soal selidek dihimpun semula sebaik sahaja pelatih habis menjawabnya. 10 sesi perhimpunan mengambil masa dari 8.30 pagi hingga 5.00 petang secara bergilir.

### 3.6 Analisis Data

Untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan, kaedah pakej Statistical Analysis System (SAS) digunakan. Data-data di analisis dengan menggunakan statistik diskriptif dan statistik inferensi.

Analisis diskriptif menghuraikan ciri-ciri demografi sampel, jenis dan kategori pilihan kerjaya. Manakala analisis inferensi akan menguji hipotesis. Analisis chi-square dan regresi pelbagai akan menguji hubungan dan pengaruh minat kerjaya keusahawanan dengan pembolehubah tidak bersandar iaitu kepuasan kursus, ciri-ciri pekerjaan, personaliti dan ciri-ciri demografi. Perbezaan pemilihan kerjaya terhadap kepuasan kursus di uji dengan menggunakan ujian t-test.

Hak Milik MARA



## BAB 4

### 4.0 HASIL KAJIAN

#### 4.1 Ciri-Ciri Sampel

Bahagian ini membincangkan tentang analisis pengumpulan data demografi responden. Keputusan analisis profil responden ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1  
Ciri-ciri Demografi Responden (n=113)

Ciri	Kekerapan	%
1 Jantina		
1. Lelaki	90	79.6%
2. Perempuan	23	20.4
2 Bangsa	113	100
3 Umur		
16	1	0.9
17	2	1.8
18	34	30.1
19	38	33.6
20	21	18.6
21	11	9.7
22	2	1.8
23	2	1.8
25	1	0.9
29	1	0.9

<b>4 Kelulusan memasuki IKM</b>		
STPM	4	3.5
SPM	73	64.6
SPVM	12	10.6
Sijil Giat Mara	23	20.4
SRP	1	0.9
<b>5 Sektor Pekerjaan Bapa</b>		
Kerajaan	37	32.7
Swasta	19	16.8
Berniaga	22	19.5
Lain-lain	35	31.0
<b>6 Sektor Pekerjaan Ibu</b>		
Kerajaan	10	8.8
Swasta	11	9.7
Berniaga	8	7.1
Surirumah	83	73.5
Lain-lain	1	0.9
<b>7 Jenis Kursus di IKM</b>		
Lukisan Senibina	27	23.9
Lukisan Kejuruteraan Awam	30	26.5
Perabot	17	15.0
Pertukangan Kayu dan Tanggam	19	16.8
Binaan Bangunan	20	17.7
<b>8 Semester Pengajian</b>		
Semester satu	58	51.3
Semester Tiga	55	48.7
<b>9 Pengalaman kerja sebelum memasuki IKM</b>		
Kerajaan	2	1.8
Swasta	66	58.4
Berniaga	17	15.0
Tiada	27	23.9
(Tidak nyatakan)	1	0.9

Kajian ini melibatkan seramai 113 orang responden iaitu dengan majoriti pelatih lelaki iaitu seramai 90 orang dan 23 orang pelajar perempuan. Kategori umur responden yang terlibat dalam kajian ini ialah di antara 16 hingga 29 tahun, di mana umur majoriti responden adalah sekitar 18 hingga 20 tahun iaitu 30.1% berumur 18 tahun, 33.6% berumur 19 tahun dan 18.6% berumur 20 tahun. Majoriti responden mempunyai latarbelakang kelulusan SPM iaitu 64.6%, manakala 3.5% berkelulusan STPM, 10.6% berkelulusan SPVM, 20.4% memiliki Sijil Giat Mara dan 0.9% iaitu seorang pelatih mempunyai tahap kelulusan SRP.

Pekerjaan bapa dikategorikan kepada 4 kategori iaitu bekerja dengan kerajaan, swasta, berniaga dan lain-lain. Seramai 32.7% bapa responden bekerja di sektor kerajaan, 16.8% bekerja di sektor swasta, 19.5% berniaga dan 31.0% di kategorikan sebagai lain-lain seperti pencen, meninggal dunia, peneroka tanah rancangan serta bekerja sendiri seperti nelayan, penoreh dan tukang kayu. Manakala seramai 73.5% ibu responden tidak bekerja iaitu surirumah sepenuh masa dan selebihnya 8.8% bekerja di sektor kerajaan, 9.7% di sektor swasta dan 7.1% mempunyai perniagaan sendiri.

Sebanyak 23.9% responden merupakan pelatih yang mengikuti kursus lukisan senibina, 26.5% mengikuti kursus lukisan kejuruteraan awam, 15% pelatih jurusan perabot, 16.8% pelatih jurusan pertukangan kayu dan tanggam dan 17.7% adalah

pelatih dari jurusan binaan bangunan. Seterusnya, 51.3% adalah merupakan pelatih semester satu manakala 48.7% adalah pelatih semester tiga.

Majoriti responden iaitu 58.4% mempunyai pengalaman bekerja dengan sektor swasta sebelum memasuki IKM, 15% mempunyai pengalaman berniaga, 1.8% pernah bekerja di sektor kerajaan manakala 23.9% tiada pengalaman kerja dan 0.9% bekerja sendiri.

#### 4.2 PEMILIHAN KERJAYA

Objektif pertama kajian ini ialah mengenalpasti jenis dan kategori pekerjaan yang diminati oleh pelatih-pelatih. Jadual 2 menunjukkan jenis pilihan kerjaya dan kategori pilihan kerjaya.

**JADUAL 2:  
Pemilihan Kerjaya**

Jenis Pilihan Kerjaya	Kekerapan	%
1. Jenis Jawatan		
Peniaga	43	38.1
Polis	1	0.9
Arkitek	15	13.3
Pelukis Pelan	14	12.4
Kontraktor	1	0.9
Pereka Dalaman	3	2.7
Jurutera	13	11.5
Guru	3	2.7
Penyelia Tapak	15	13.3
Pegawai Kerajaan	2	1.8
Tukang Mahir	2	1.8
(Tidak nyatakan)	1	0.9

2. Katogeri pilihan kerjaya		
Usahawan	43	38.1
Swasta	63	55.8
Kerajaan	7	6.2

Senarai jenis jawatan yang menjadi pilihan minat pelatih-pelatih merangkumi pelbagai jenis pekerjaan dengan seramai 38.1% ingin menjadi seorang peniaga atau usahawan. Jika dikategorikan jenis-jenis jawatan tersebut di dapati 55.8% para pelatih ingin berkerja di sektor swasta berbanding 38.1% sebagai usahawan dan hanya 6.2% di sektor kerajaan. Bekerja di sektor swasta boleh merujuk kepada pekerjaan 'makan gaji' atau sebagai menjadi pekerja kepada majikan.

Penemuan awal analisis menunjukkan di kalangan para pelatih telah wujud dua jenis orientasi kerjaya yang utama iaitu bekerja sebagai usahawan (43 orang) dan bekerja dengan pihak swasta (63 orang). Kategori ini akan digunakan sebagai pembolehubah bersandar kajian. Kategori responden yang memilih pekerjaan di sektor kerajaan terlalu kecil saiz sampel (7 orang sahaja), maka responden tersebut dikeluarkan dalam analisis seterusnya.

Jadual 3 menunjukkan analisis pembolehubah deskriptif utama kajian. Minat pilihan kerjaya yang di kategorikan sebagai usahawan dan swasta merupakan pembolehubah

bersandar kajian. Pembolehubah tak bersandar pula ialah kepuasan kursus, ciri pekerjaan dan jenis pesonaliti.

**JADUAL 3**

**Analisis Deskriptif Variabel Utama Kajian**

1	Pembolehubah bersandar	kekerapan	%
	Minat pilihan kerjaya (n=106)		
	Usahawan	43	40.6
	Swasta	63	59.4
2	Pembolehubah tak bersandar		
	a <i>Min kepuasan kursus</i> = 3.67	Sisihan Lazim = 0.45	
	b <i>Ciri-ciri Pekerjaan Utama</i>	Min	Sisihan Lazim
	1. Memenuhi cita-cita	4.66	0.68
	2. Pekerjaan yang terjamin	4.61	0.60
	3. Suasana kerja yang selesa	4.45	0.65
	4. Pekerjaan yang mencetuskan ilmu	4.39	0.65
	5. Menonjolkan kebolehan diri	4.37	0.80
	c <i>Jenis Personaliti</i>		
	Pertama = Realistik dan Sosial (33.6%)		
	Kedua = Sosial (28.3%)		
	Ketiga = Keusahawanan dan Konvensional (23.9%)		

Analisis min kepuasan kursus menunjukkan para pelatih agak berpuas hati dengan nilai min menghampiri nilai 4.0 (skala kepuasan ialah 1 sebagai sangat tidak puas sehingga 5 sangat puas). Ini menunjukkan responden kajian berpuashati dengan kursus kemahiran yang dipelajari di Institut Kemahiran Mara.

Analisis min juga dilakukan ke atas ciri-ciri pekerjaan. Jadual 3 menunjukkan 5 ciri-ciri pekerjaan yang mempunyai nilai min yang tertinggi. Secara umumnya para pelatih di IKM mementingkan ciri pekerjaan yang dapat memenuhi cita-cita, pekerjaan yang terjamin, suasana kerja yang selesa, pekerjaan yang mencetus atau menambahkan ilmu dan dapat menonjolkan kebolehan diri. Ciri-ciri ini jelas didominasi oleh orientasi kerjaya bekerja di sektor swasta yang melibatkan hampir 60% responden kajian.

Ciri-ciri pekerjaan tersebut juga mempunyai perkaitan dengan ciri-ciri personaliti. Analisis peratusan menunjukkan responden kajian mempunyai ciri Realistik dan Sosial sebagai personaliti utama, diikuti oleh ciri keusahawanan dan konvensional.

Gambaran deskriptif terhadap variable-variable utama kajian sekadar menggambarkan keseluruhan responden. Persoalan yang lebih penting ialah apakah wujud perbezaan dan perhubungan variabel-variabel tersebut dengan variabel pilihan minat kerjaya. Adakah kelompok responden yang ingin bekerja sebagai usahawan berbeza dengan yang ingin bekerja di sektor swasta terhadap pembolehubah-pembolehubah tak bersandar kajian ?

### 4.3 UJIAN HIPOTESIS

Persoalan ini membawa kepada pengujian hipotesis kajian yang pertama iaitu perbezaan dua kelompok tersebut terhadap kepuasan kursus.

Jadual 4 menunjukkan analisis ujian t terhadap variabel minat kerjaya dengan kepuasan kursus. Hasil analisis menunjukkan tidak wujud perbezaan kepuasan kursus di antara pelatih yang meminati kerjaya usahawan dan yang meminati kerjaya sektor swasta ( $t = 1.30, p = 0.19$ ).

**JADUAL 4 : Perbezaan Minat Kerjaya Terhadap Kepuasan Kursus**

Minat Kerjaya	n	Min	S.D	t	p
Usahawan	43	3.74	0.35	1.30	0.19
Swasta	63	3.63	0.50		

Ini menunjukkan kedua-dua kelompok responden berpuas hati dengan kursus yang dipelajari dari Institut Kemahiran Mara. Ini juga mungkin menggambarkan ilmu kemahiran yang dipelajari diamati sebagai berguna untuk kerja di masa depan.

Hipotesis seterusnya cuba menguji perbezaan dua kelompok pelatih tersebut terhadap variabel ciri-ciri pekerjaan. Jadual 5 memaparkan ciri-ciri pekerjaan yang



menghasilkan perbezaan yang signifikan sahaja. Daripada sejumlah 25 ciri-ciri pekerjaan yang dianalisis, didapati hanya 3 ciri sahaja yang membezakan di antara para pelatih.

**JADUAL 5 Perbezaan Minat Kerjaya Terhadap Kepentingan Ciri-ciri Pekerjaan**

Ciri Pekerjaan		Min		t	p
		Usahawan	Swasta		
1.	Meransang pengetahuan dan kemahiran berterusan	4.00	4.33	-2.25	0.022
2.	Memberi ganjaran sebagai pengiktirafan	3.30	3.87	-2.97	0.003
3.	Memerlukan penyeliaan daripada orang lain	3.11	3.47	-2.02	0.045

Analisis ujian t menunjukkan para pelatih yang memilih kerjaya di sektor swasta lebih mementingkan pekerjaan yang terus menambah pengetahuan dan kemahiran; pekerjaan yang memberi ganjaran dan pekerjaan yang memerlukan penyeliaan orang lain. Analisis tersebut jelas membezakan ciri keusahawanan di kalangan pelatih. Ini menunjukkan pelatih yang memilih kerjaya keusahawanan kurang mementingkan ciri-ciri pekerjaan yang memerlukan penyeliaan, tidak mengharapkan ganjaran dan tidak memerlukan pengetahuan dan kemahiran. Kelompok ini lebih yakin dan bersedia menghadapi pekerjaan keusahawan. Mereka yakin dengan ilmu kemahiran yang diperolehi dan berdikari tanpa memerlukan penyeliaan. Ciri-ciri tersebut jelas membezakan seorang usahawan dengan seorang yang bukan pekerjaan makan gaji.

Hipotesis seterusnya cuba melihat perhubungan dua kelompok responden tersebut dengan ciri-ciri personaliti. Analisis khi-gandadua dilakukan ke atas 3 huruf pertama yang terhasil daripada instrumen Self-Directed Search. Analisis awal menunjukkan tidak wujudnya perhubungan ciri-ciri personaliti dengan pilihan minat kerjaya. Justru itu analisis deskriptif dilakukan dengan menganalisis peratusan dikalangan dua kelompok pelatih tersebut. Walaupun analisis ini tidak menyokong kesignifikanan hubungan, tetapi jadual 6 sekurang-kurangnya menunjukkan gambaran umum dua kelompok responden.

**JADUAL 6: Hubungan Minat Kerjaya Dengan Personaliti**

Kerjaya	Jenis Personaliti		
	R	S	E
Usahawan	(17.9%)	(11.3%)	(11.3%)
Swasta	(22.6%)	(16.9%)	(14.2%)

Jadual 6 menunjukkan pelatih yang memilih kerjaya keusahawanan mempunyai personaliti Realistik, Sosial dan *Enterprising*. Personaliti ini membezakan dengan pelatih yang memilih kerjaya di sektor swasta yang memiliki personaliti sosial, sosial dan konvensional. Analisis diskriptif tersebut dapat menunjukkan wujudnya perbezaan personaliti di antara dua kelompok pelatih yang meminati kerjaya yang berbeza.

Kajian ini juga ingin meramalkan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya di kalangan pelatih. Faktor yang menjadi minat kajian ialah faktor kepuasan kursus, ciri pekerjaan, personaliti dan ciri demografi.

Analisis Regresi Pelbagai dengan menggunakan kaedah *stepwise* dilakukan di antara minat kerjaya keusahawan dengan pembolehubah tak bersandar.

Analisis pertama dilakukan dengan memasukkan semua pembolehubah dan hasilnya hanya 7 variabel sahaja dapat meramal minat kerjaya keusahawanan. Analisis kedua hanya memasukkan tujuh variabel tersebut dan hasil analisis menunjukkan tujuh variabel tersebut menyumbang sebanyak 37% kepada variabel pilihan minat kerjaya keusahawanan ( $R^2 = 0.37$ ).

Hak Milik MARA

**JADUAL 7 Analisis Regresi Pelbagai Di antara Minat Kerjaya Keusahawanan Dengan Variabel Utama Kajian**

	Variabel	Nilai Beta	F	p
1	Galakan Rakan	- 0.43	18.0	0.0001
2	Ciri kerja yang memberi ganjaran	- 0.14	10.1	0.0020
3	Cabaran	0.18	6.91	0.0099
4	Gaji/upah	-0.33	4.43	0.0377
5	Kemahiran yang dipelajari di IKM	0.66	6.28	0.0138
6	Kerja yang memberi pengetahuan dan kemahiran	-0.15	4.19	0.0431
7	Kepuasan kursus yang dipelajari	0.19	5.57	0.0202

Nilai R square = 0.37

Jadual 7 menunjukkan faktor utama yang mempengaruhi pemilihan kerjaya di kalangan pelatih ialah galakan rakan. Nilai Beta bersifat negatif iaitu -0.43 bermakna faktor galakan rakan meramalkan sebanyak 43% pemilihan kerjaya di sektor swasta. Ini bermakna pelatih yang memilih kerjaya di sektor swasta di dorong oleh rakan. Sementara itu pelatih yang memilih kerjaya keusahawanan tidak di dorong oleh faktor galakan rakan.

Faktor kedua ialah "Ciri pekerjaan yang memberi ganjaran" mempengaruhi pemilihan kerjaya di sektor swasta. Nilai Beta bersifat negatif iaitu -0.14 bermakna pemilihan kerjaya keusahawanan tidak dipengaruhi oleh ciri pekerjaan yang memberi

ganjaran. Berasaskan susunan faktor yang berurutan dengan faktor galakan rakan mungkin membayangkan pelatih yang memilih kerjaya di sektor swasta dipengaruhi oleh rakan yang menceritakan tentang keseronokan ganjaran yang diperolehi di sektor swasta. Ini digambarkan oleh nilai F yang tinggi dan signifikan di antara kedua-duanya (*Galakan rakan*  $F = 18.0$   $p = 0.0001$  dan *ciri kerja yang memberi ganjaran*  $F = 10.1$   $p = 0.0020$ ).

Faktor seterusnya ialah unsur cabaran yang menunjukkan nilai F yang signifikan ( $F = 6.91$   $p = 0.0099$ ). Berasaskan nilai Beta, faktor “cabaran” mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan sebanyak 18%. Pelatih memilih kerjaya keusahawanan kerana pekerjaan tersebut adalah mencabar berbanding pelatih yang ingin bekerja di sektor swasta.

Faktor gaji atau upah mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan secara negatif. Nilai Beta  $-0.33$  menunjukkan faktor gaji atau upah meramal secara negatif sebanyak 33% ke atas pembolehubah pemilihan kerjaya keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa pelatih yang memilih kerjaya keusahawanan tidak mementingkan persoalan tentang gaji atau upah.

Kemahiran yang dipelajari di Institut Kemahiran Mara juga merupakan faktor penting dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan. Nilai Beta nya adalah yang

tertinggi yaitu 0.66. Ini bermakna faktor ilmu kemahiran yang dipelajari di IKM menyumbang sebanyak 66% pengaruhnya ke atas pemilihan kerjaya keusahawanan.

Faktor seterusnya ialah ciri pekerjaan yang dapat memberi pengetahuan dan kemahiran juga dapat meramalkan pemilihan kerjaya di kalangan pelatih. Nilai Beta nya ialah -0.15 menunjukkan pelatih yang memilih kerjaya keusahawanan tidak mementingkan pekerjaan yang masih memberi pengetahuan dan kemahiran. Ini mungkin menggambarkan tahap keyakinan di kalangan pelatih dengan ilmu yang telah dipelajari untuk terus menceburkan diri dalam dunia perniagaan.

Faktor terakhir yang tidak kurang pentingnya ialah "Kepuasan kursus yang dipelajari di IKM". Faktor ini amat berkaitan dengan faktor kemahiran yang dipelajari di IKM. Sumbangan faktor kepuasan kursus sebanyak 19% membayangkan keberkesanan kursus atau ilmu kemahiran yang dikendalikan di IKM ke arah membentuk minat orientasi kerjaya keusahawanan di kalangan pelatih.

Secara ringkasnya, analisis regresi tersebut dapat mencungkil beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan. Faktor tersebut boleh digolongkan kepada ciri pekerjaan, kepuasan kursus dan pengaruh rakan (atau role model). Analisis tersebut juga menjelaskan tiadanya pengaruh faktor-faktor lain seperti jantina, latarbelakang pekerjaan ibubapa, pengalaman pengajian semester dan personaliti.

Namun begitu terdapat hubungan minat kerjaya dengan dua variabel demografi iaitu jenis kursus dan sijil kelulusan masuk ke IKM. Analisis Khi-Gandadua dilakukan ke atas dua variabel tersebut.

**JADUAL 8 : Hubungan Pilihan Kerjaya dengan Jenis Kursus**

Jenis Kursus	Usahawan (%)	Swasta (%)
1. Lukisan SeniBina	4 (15.4)	22 ( 84.6)
2. Lukisan Kejuruteraan Awam	3 (11.1)	24 (88.9)
3. Perabot	16 (94.1)	1 (5.88)
4. Pertukangan Kayu & Tanggam	8 (50.0)	8 (50.0)
5. Binaan Bangunan	12 (60.0)	48 (40.0)

Chi-square = 40.00, df=4 ,p=0.0000

Jadual 8 menunjukkan wujudnya hubungan signifikan diantara minat pilihan kerjaya dengan jenis kursus yang diikuti di IKM (Chi-Square = 40.00, df = 4,p = 0.0000). Jadual tersebut menunjukkan pelatih kursus perabot (94.1 /%) lebih cenderung memilih kerjaya keusahawanan berbanding pelatih daripada kursus-kursus yang lain. Pelatih jurusan Lukisan kejuruteraan Awam lebih cenderung memilih pekerjaan disektor swasta (88.9%) berbanding pelatih-pelatih yang lain.

Jika ditinjau secara keseluruhan didapati pelatih yang mengikuti kursus yang berorientasikan kemahiran ketukangan lebih cenderung memilih kerjaya keusahawanan. Pelatih yang mengikuti kursus yang berorientasikan lukisan senibina pula memilih untuk bekerja disektor swasta. Ini menggambarkan pengaruh persekitaran boleh membentuk pemilihan kerjaya. Sifat kursus yang diikuti yang mungkin memerlukan kemahiran kognitif yang tinggi boleh mempengaruhi jenis pekerjaan yang berbeza.

**JADUAL 9 : Hubungan Minat Kerjaya Dengan Kelulusan  
Masuk ke IKM**

Kelulusan	Swasta (%)	Usahawan (%)
SPM	46 ( 67.7)	22 (32.3)
SPVM	5 (41.7)	7 (58.3)
Sijil Giat Mara	8 (38.1)	13 (61.9)

Chi-square= 7.34 df=2 p=0.025

Satu lagi faktor demografi ialah sijil kelulusan masuk ke IKM mempunyai hubungan yang signifikan dengan minat kerjaya. Jadual 9 menunjukkan hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah tersebut dengan nilai khi-gandadua sebanyak 7.34,



$df = 2$ ,  $p = 0.025$ . Pelatih yang mempunyai sijil Giat Mara lebih suka memilih kerjaya keusahawanan berbanding pelatih yang memiliki sijil yang lebih tinggi seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM)

Hak Milik MARA

## BAB 5

### 5.0 PERBINCANGAN

#### 5.1 Orientasi Pemilihan Kerjaya

Hasil kajian menunjukkan jenis dan kategori pekerjaan yang diminati oleh para pelatih dapat digolongkan kepada dua kumpulan yang utama iaitu; bekerja sebagai usahawan (38.1 %) dan bekerja di sektor swasta (55.8 %). Segelintir sahaja para pelatih yang memilih pekerjaan di sektor kerajaan (6.2 %).

Penemuan ini dengan jelas memperlihatkan orientasi pemilihan kerjaya di kalangan individu yang menerima pendidikan berbentuk kemahiran lebih cenderung untuk bekerja di sektor swasta. Pendidikan tersebut dapat menyumbang kepada keperluan tenaga buruh mahir ke sektor swasta. Peratusan yang tinggi untuk memilih kerjaya di sektor swasta dan bukannya di sektor kerajaan mungkin berkaitan dengan tahap pengiktirafan sijil dan juga berkaitan dengan jenis kemahiran teknikal yang mereka perolehi. Pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran yang dipelajari di kalangan pelatih kebanyakannya bersifat ketukangan dan pelukis pelan. Dalam kajian Azkan et. al

(1995) menunjukkan ada kaitan di antara bidang pengajian siswazah dan pemilihan kerjaya iaitu bekerja sendiri atau bekerja dengan organisasi.

Namun begitu perhatian perlu diberikan kepada wujudnya peratusan sebanyak 38.1 % para pelatih yang bersedia bekerja sendiri sebagai usahawan. Gambaran ini boleh menjadi satu petunjuk umum mengenai keberkesanan program pembelajaran dan matlamat MARA khususnya di IKM Alor Setar. Sekurang-kurangnya IKM Alor Setar telah berjaya memupuk semangat keusahawanan di kalangan para pelatih. Amatlah mustahil untuk membentuk 100 % minat p[elatih ke arah kerjaya keusahawanan kerana bidang keusahawanan merupakan sesuatu yang unik dan memerlukan ciri individu yang tersendiri. Walaupun peratusan untuk bekerja di sektor swasta lebih tinggi, ini tidak bermakna para pelatih tersebut dapat disamakan dengan kecenderungan untuk bekerja makan gaji. Realiti jenis kemahiran yang dipelajari mungkin tidak mampu untuk terus melibatkan diri dalam perniagaan. Kemungkinan mereka terpaksa bekerja dengan orang lain terlebih dahulu sebelum mengumpul pengalaman dan modal yang secukupnya. Kajian oleh Brenner et. al (1991) menyatakan halangan-halangan seperti kekurangan wang sebagai modal atau kurang galakan dari ibubapa telah menjadi faktor mengapa walaupun berminatberniaga namun mereka terpaksa bekerja dengan organisasi.

Analisis awal secara deskriptif kajian ini juga memperlihatkan tahap kepuasan pelatih terhadap kursus yang mereka pelajari di IKM Alor Setar. Para pelatih menunjukkan rasa berpuas hati dengan kursus tersebut. Penelitian deskriptif terhadap variabel kepuasan kursus adalah penting untuk menentukan wujudnya keberkesanan program pembelajaran. Apa yang lebih penting ialah kepuasan kursus dapat menjelaskan orientasi pemilihan kerjaya pelatih. Apa yang mungkin dapat ditafsirkan ialah pemilihan untuk mengikuti kursus di IKM adalah pilihan yang tepat dan bersesuaian dengan minat dan citarasa pelatih. Kepuasan kursus tersebut mungkin mempengaruhi orientasi pemilihan kerjaya.

Greenhaus et. al (1978) menyatakan kecenderungan individu untuk memilih kerja berdasarkan beberapa ciri organisasi yang menjadi tarikan adalah merupakan faktor pencepat atau pemudah bagi pemilihan kerjaya tersebut. Untuk memahami orientasi pemilihan kerjaya, perlu juga diketahui ciri-ciri pekerjaan itu sendiri yang dipandang sebagai penting oleh para pelatih. Analisis deskriptif menggambarkan para pelatih di IKM mementingkan pekerjaan yang dapat memenuhi cita-cita, pekerjaan yang terjamin, suasana kerja yang selesa, pekerjaan yang menambahkan ilmu dan yang dapat menonjolkan kebolehan diri. Ciri utama yang dipentingkan oleh para pelatih ialah pekerjaan yang dapat memenuhi cita-cita, sekurang-kurangnya menggambarkan para pelatih telah mempunyai cita-cita masing-masing. Para pelatih bukannya masih tidak jelas tentang arah masa depan kerjaya mereka. Kemungkinan hal ini berkaitan

dengan kejayaan IKM Alor Setar yang mendedahkan orientasi kerjaya yang jelas kepada para pelatih. Ciri-ciri pekerjaan seperti terjamin dan keselesaan adalah gambaran awal para pelatih yang memilih kerjaya yang bersifat 'makan gaji'. Ini adalah kerana sebahagian besar pelatih (59.4 % ) memilih kerjaya di sektor swasta.

Analisis awal mengenai jenis personaliti para pelatih pula menggambarkan berlakunya pertindihan pelbagai jenis personaliti. Analisis deskriptif yang menggunakan teknik 3 kod huruf tertinggi menunjukkan personaliti utama para pelatih bercirikan Realistik (33.6 %) dan Sosial (33.6 %) di ikuti oleh ciri Sosial (28.3%) dan keusahawanan (23.9 %) serta konvensional (23.9 %). Pertindihan yang berlaku menggambarkan wujudnya unsur pembezaan (differentiation) sebagaimana yang dijelaskan oleh Holland dalam kelompok yang dikaji. Hal ini mungkin disebabkan orientasi kursus di IKM Alor Setar yang bersifat ketukangan dan pelukis pelan. Ciri dominan para pelatih ialah Realistik adalah menyokong Teori Holland yang menggambarkan individu realistik menceburi bidang mekanikal dan ketukangan. Penemuan yang penting dalam analisis personaliti ini ialah wujudnya ciri personaliti enterprising (23.9 %). Personaliti tersebut menggambarkan usaha MARA untuk memupuk ciri personaliti usahawan boleh dianggap mencapai matlamatnya.

Secara ringkasnya analisis deskriptif variabel utama kajian dapat memberi gambaran awal ciri-ciri kelompok responden yang dikaji. Apa yang lebih penting ialah untuk

memahami orientasi pemilihan kerjaya keusahawanan yang menjadi pembolehubah bersandar kajian ini. Objektif kajian seterusnya ialah cuba meneliti perbezaan,perhubungan dan pengaruh pembolehubah tak bersandar ke atas pembolehubah bersandar. Tumpuan diberikan kepada dua kelompok utama responden iaitu kelompok yang memilih kerjaya keusahawanan dan yang memilih kerjaya di sektor swasta. Persoalannya adakah wujud perbezaan dan perhubungan di antara dua kelompok tersebut jika dihubungkan dengan variabel kepuasan kursus, ciri pekerjaan dan faktor demografi yang lain.

## **5.2 Perhubungan Pemilihan Kerjaya dengan Kepuasan, Ciri Kerja dan Personaliti.**

